

RPK ABDB TERUS PERKASA KEUPAYAAN PERTAHANAN NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Kemuncak Perbarisan Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Emas Rejimen Pasukan Khas Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Leftenan Kolonel (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

■ Oleh : Nooratini Haji Abas

TUTONG, Rabu, 19 Ogos. - Dalam Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2006, telah menekankan Landskap Sekuriti Rantau

dan Antarabangsa yang semakin tidak menentu. Ia juga turut memberi kesan kepada negara.

Selaku negara berdaulat, untuk memiliki kekuatan tentera tidaklah boleh dipandang

ringan. Selain kekuatan diplomasi, sistem pertahanan yang kukuh juga adalah menjadi keutamaan.

>> Muka 3

Perdana Menteri Malaysia tiba di NBD

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Jumaat, 21 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri

Anwar Ibrahim dan isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail serta rombongan, petang tadi.

>> Muka 7

Kecemerlangan penjagaan kesihatan bukan sekadar kepakaran klinikal

■ Siaran Akhbar : Pusat Perubatan Jerudong Park

JERUDONG, Khamis, 20 Ogos. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) telah menganjurkan Simposium Penjagaan Kesihatan Berteraskan Kasih Sayang (Compassionate Healthcare Symposium) di

Tingkat RF, The Specialist Medical Services Building (sebelum ini dikenali sebagai PJSC), hari ini.

Simposium tersebut menghimpunkan warga JPMC untuk meneroka bagaimana

nilai empati, belas kasihan dan hubungan sesama insan dapat diterapkan dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan.

>> Muka 10

Berita Utama



RAPTAL penuh pastikan kelancaran majlis

Muka 8



MENINGKATKAN kemahiran dalam mengendalikan situasi krisis

Muka 11



MEMASTIKAN produk, pengalaman ditawarkan mempunyai keunikan, identiti tersendiri

Muka 13



PEMBANGUNAN bola sepak bermula dari akar umbi

Muka 30

UNISSA terus perkasa ilmu Islam dan sains demi kemajuan negara

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillaahir Rahmaanir Raheem,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama hadir dalam Majlis Hafut Takharrij kali Ke-16, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang diraikan. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh akan jadi bekal berharga untuk digunakan. Beta juga merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada para ibu bapa, penjaga serta para tenaga akademik yang menjadi pendorong utama di sebalik kejayaan para graduan.

UNISSA bukan hanya sebagai mercu tanda sebuah gedung ilmu, tetapi juga menjadi nadi peradaban untuk melahirkan ummah yang taat beragama. Beta juga berharap UNISSA perlu terus istiqamah dalam usahanya menjadikan ilmu agama dan ilmu sains moden dapat digabungkan dalam satu wadah keilmuan yang dinamik. Dalam hal ini, beta menyambut baik perkembangan positif UNISSA untuk tampil menawarkan program Diploma Amalan Pengubatan Islam.

Beta juga mengambil maklum mengenai jalinan kerjasama strategik UNISSA

dengan universiti-universiti berprestij luar negara untuk meningkatkan *visibility* UNISSA di peringkat antarabangsa. Penawaran program Dwi Ijazah dan Dual Degree UNISSA bersama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah bukan sahaja memperkenalkan Negara Brunei Darussalam sebagai pilihan destinasi pelancongan pendidikan, bahkan juga akan dapat memperluaskan jaringan peluang kerjaya.

Memandangkan pasaran kerja semakin kompetitif, UNISSA juga perlu komited dalam menawarkan program pengajian yang berkualiti. Sehubungan itu, beta menyarankan kepada UNISSA supaya memantapkan lagi program-program yang ditawarkan dan pada masa yang sama, pihak-pihak berkenaan juga hendaklah memperkemas kualiti sukatan pelajaran dan kurikulum bagi pelajar-pelajar di peringkat pra-universiti.

Dalam usaha mewujudkan program-program yang berkualiti, beta berharap semua Institusi Pengajian Tinggi perlu membuat perancangan yang lebih terarah supaya tidak berlaku pertindihan program yang ditawarkan sesama institusi lain. Langkah ini akan memastikan institusi pendidikan seperti UNISSA dapat memberikan tumpuan kepada misi unik menyatukan ilmu agama dan sains moden, sekali gus memaksimumkan impak pelaburan awam, di samping menjamin penghasilan tenaga kerja mahir.

Mengenai pencapaian teras strategik UNISSA dalam pengiktirafan antarabangsa, beta mengucapkan syabas dan tahniah kerana UNISSA mencapai kedudukan yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Hafut Takharrij Universiti Islam Sultan Sharif Ali Ke-16 pada Isnin, 17 Ogos 2026, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam.

Ke-147 dalam senarai Top 500 Global Innovative Universities dalam world University Rankings for Innovation (WURI) 2026, bahkan turut juga meraih Global Good Governance Awards (3G) sebagai pengiktirafan terhadap inovasi dan

kecemerlangan UNISSA. Kejayaan ini mampu menjadi motivasi membawa graduan dan alumni ke arah lebih gemilang.

>> Muka 9



WAKTU SEMBAHYANG

OGOS MASHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	SABTU	9	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.37	6.31	7.42
23	AHAD	10	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.36	6.30	7.41
24	ISNIN	11	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.35	6.30	7.41
25	SELASA	12	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.34	6.30	7.40
26	RABU	13	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.40
27	KHAMIS	14	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39
28	JUMAAT	15	4.46	4.56	6.15	6.37	12.23	3.32	6.28	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	35 25 °C 	34 25 °C 	34 25 °C 
Pekan Bangar	34 25 °C 	34 25 °C 	34 25 °C 
Pekan Tutong	34 25 °C 	34 25 °C 	34 25 °C 
Kuala Belait	34 25 °C 	34 25 °C 	34 25 °C 

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

22 OGOS 2026

Meminta tolong bukan tanda kelemahan

DALAM perjalanan hidup, kita sering dihadapkan dengan pelbagai cabaran dan dugaan. Ada kalanya, kita mampu menyelesaikan masalah tersebut seorang diri. Namun, ada masanya kita terasa seakan-akan terperangkap dalam situasi yang sukar dan memerlukan bantuan orang lain. Di sinilah timbulnya satu persoalan penting: mengapa kita sering merasa malu untuk meminta tolong? Jawapannya mungkin kompleks, tetapi hakikatnya, meminta tolong adalah satu tindakan yang bijak dan tanda kekuatan, bukannya kelemahan.

Rasa malu untuk meminta bantuan sering berpunca daripada ego dan persepsi diri. Kita bimbang akan dinilai sebagai lemah, tidak berkemampuan, atau menyusahkan orang lain. Masyarakat sering menanamkan nilai berdikari, lalu kita terperangkap dalam tanggapan bahawa meminta tolong adalah satu kegagalan. Sebenarnya, ini adalah satu jebakan pemikiran yang boleh mendatangkan lebih banyak mudarat daripada kebaikan. Apabila kita terasa berat hati untuk meminta tolong, kita bukan sahaja membebaskan diri sendiri dengan tekanan yang tidak perlu, malah kita juga menutup peluang untuk menyelesaikan masalah dengan lebih efektif dan cepat.

Salah satu manfaat terbesar meminta tolong ialah kita dapat memanfaatkan kepakaran dan perspektif orang lain. Tidak ada seorang pun yang mahir dalam segala hal. Dengan meminta pendapat atau bantuan, kita membuka ruang untuk pembelajaran dan penyelesaian masalah yang lebih kreatif. Bantuan yang kita terima bukan sahaja menyelesaikan isu semasa, malah ia boleh menjadi satu pengajaran berharga untuk masa hadapan. Hubungan sesama manusia juga menjadi lebih erat; ia membina kepercayaan dan saling menghormati apabila kita memberi peluang kepada orang lain untuk berkongsi kebaikan.

Selain itu, meminta tolong adalah satu latihan untuk merendah diri. Ia mengajar kita bahawa kita adalah sebahagian daripada komuniti yang saling memerlukan. Namun, dalam era moden yang serba pantas ini, kita mungkin terlupa bahawa prinsip tersebut masih relevan. Apabila kita meminta tolong, kita secara tidak langsung mengingatkan diri bahawa tiada manusia yang benar-benar kerdil dan tiada manusia yang benar-benar besar; kita semua saling melengkapi.

Sudah tentu, meminta tolong perlulah dengan cara yang sopan dan pada masa yang sesuai. Kita perlu menghormati masa dan tenaga orang lain. Namun, rasa takut untuk menyusahkan tidak seharusnya menjadi penghalang. Orang yang ikhlas membantu biasanya melakukannya dengan senang hati, kerana memberi pertolongan juga membawa kebahagiaan kepada diri mereka. Jika kita tidak pernah memberi peluang kepada orang lain untuk menolong, kita sebenarnya merampas peluang mereka untuk berbuat kebaikan.

Kesimpulannya, jangan biarkan perasaan malu atau ego menghalang kita daripada mendapatkan bantuan yang diperlukan. Meminta tolong adalah tindakan berani yang menunjukkan kematangan dan kebijaksanaan. Ia adalah satu langkah proaktif untuk menguruskan tekanan, memperkayakan pengetahuan, dan mengeratkan hubungan silaturahim. - **Ketua Penyunting PB (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa Perbarisan Sambutan HUT Jubli Emas RPK ABDB (kiri). Manakala gambar kanan, sekitar keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda pada sambutan tersebut.

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta ahli-ahli kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di

JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral

Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pegawai Pemerintah RPK ABDB.

Terdahulu, Kebawah DYMM dijunjung ke Pentas Diraja bagi menerima Tabik Hormat Diraja

sebelum berkenan memeriksa Perbarisan Sambutan HUT Jubli Emas RPK ABDB yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan anggota-anggota RPK ABDB, Pancaragam ABDB, serta aset-aset RPK ABDB.

Upacara Perbarisan diteruskan dengan lafaz Ikrar Taat Setia RPK ABDB yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah RPK ABDB, diikuti dengan laungan 'Tangkas Berani'.

>> Muka 5



KEBAWAH DYMM berserta paduka-paduka anakanda baginda berkenan menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (atas). Sementara gambar atas kanan, sekitar keberangkatan Kebawah DYMM. Manakala gambar bawah dan kanan, ketika berlangsungnya Perbarisan Sambutan HUT Jubli Emas RPK ABDB.



LAFAZ Ikrar Taat Setia RPK ABDB di Upacara Perbarisan tersebut, diikuti dengan laungan 'Tangkas Berani' (kiri, atas dan atas kanan).



KEBAWAH DYMM berserta ahli-ahli kerabat diraja berkenan menyempurnakan perasmian Tanda Peringatan Jubli Emas RPK ABDB dan seterusnya berkenan dijunjung melawat Galeri Jubli Emas RPK ABDB, di mana baginda berkenan menerima sembah penerangan (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



>> Muka 4

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan HUT Jubli Emas RPK ABDB, diikuti dengan laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' sebanyak tiga kali.

Bagi memberkati upacara berkenaan, Doa Selamat telah dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji

Japar.

Seterusnya, Kebawah DYMM sekali lagi berkenan menerima Tabik Hormat Diraja sebelum perbarisan diakhiri dengan Kawalan Benteng.

Dari padang kawad, Kebawah DYMM berserta ahli-ahli kerabat diraja dijunjung ke Markas RPK ABDB dan berkenan menyempurnakan perasmian Tanda Peringatan Jubli Emas RPK ABDB dan seterusnya berkenan dijunjung melawat

Galeri Jubli Emas RPK ABDB.

Kebawah DYMM kemudian berkenan bergambar ramai bersama Pegawai Pemerintah Rejimen, Pegawai-pegawai Memerintah Skuadron, Sarjan Mejar Rejimen, Sarjan Mejar Skuadron dan mantan-mantan Pegawai Pemerintah RPK ABDB.

Baginda berserta ahli-ahli kerabat diraja seterusnya berkenan berangkat ke Seksyen Operasi Khas Udara (SOKU) bagi

menyaksikan Pameran Keupayaan Khas yang terkini. Baginda kemudiannya berkenan berangkat ke Kompleks Tempur Rapat (CQB) bagi menyempurnakan perasmian bangunan berkenaan dan seterusnya menyaksikan demonstrasi operasi khas di luar dan di dalam CQB.

Kebawah DYMM berserta ahli-ahli kerabat diraja kemudian meneruskan keberangkatan ke Dewan Gerak Badan RPK ABDB

bagi menyaksikan fasiliti dan kelengkapan yang telah dinaik taraf menjadi sebuah gimnasium yang beroperasi sepenuhnya sejajar dengan keperluan anggota pasukan khas.

Seterusnya baginda berserta ahli-ahli kerabat diraja dijunjung ke kolam renang bagi menyaksikan keupayaan operasi khas bawah air.

>> Muka 6



KEBAWAH DYMM berserta ahli-ahli kerabat diraja berkenan menyaksikan demonstrasi (kiri dan atas).



KEBAWAH DYMM dan paduka-paduka anakanda berkenan bergambar ramai di acara tersebut.

>> Muka 5

Kebawah DYMM berserta ahli-ahli kerabat diraja kemudiannya berkenan berangkat ke Mes Pegawai Penanjong Garison bagi Majlis Santap Tengah Hari. Pada majlis

berkenaan, baginda berkenan menyempurnakan acara memotong kek sempena Sambutan HUT Jubli Emas RPK ABDB dan Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 Tahun dan seterusnya berkenan menerima pesambah.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada seluruh warga RPK ABDB dan jemputan-jemputan khas, serta berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan sesi bergambar ramai sebelum berangkat meninggalkan majlis.



KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan acara memotong kek sempena Sambutan HUT Jubli Emas RPK ABDB dan Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 Tahun (kanan). Manakala gambar bawah, Kebawah DYMM berserta ahli-ahli kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari.



KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan (atas). Manakala gambar bawah, Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada seluruh warga RPK ABDB dan jemputan-jemputan khas.



SUASANA sekitar majlis berkenaan yang telah mengambil tempat di Mes Pegawai Penanjong Garison (atas tengah dan kanan).

PERDANA MENTERI MALAYSIA TIBA DI NBD

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail serta rombongan (kiri sekali dan kiri).

>> Muka 1

Juga hadir bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri Malaysia dan isteri ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Menteri Pengiring dan isteri.

Juga berada di LTAB, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan,

Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bersama pasangan masing-masing.

'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' serikan Majlis Dikir Maulud

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut hadir pada Majlis Dikir Maulud sempena Sambutan Maulidur Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman (atas kiri dan atas kanan), manakala gambar bawah kanan, sekitar majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos 2026. - Majlis Dikir Maulud sempena Sambutan Maulidur Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam malam ketujuh berlangsung di Surau Istana Nurul Iman malam tadi dengan penyertaan seramai 225 orang.

Hadir menyertai majlis berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 85 orang merupakan jemputan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, 60 orang daripada Kumpulan Dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddin, 30 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, manakala 30 orang lagi dari Jabatan Pendidikan Islam (JPI), Bahagian Sekolah

Umum.

Bagi jemputan perempuan pula, seramai 85 orang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama, 40 orang dari Kumpulan Dikir Jemaah Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, 20 orang dari MPC Penanjong, selain turut disertai oleh Muslimah Masjid dan KBM Masjid Kampung Lumapas serta JPI, Bahagian Sekolah Ugama Daerah Belait.

Pengisian majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang mengupas sejarah kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui 'Doa Memohon Keberkatan Dunia dan Akhirat',

disampaikan oleh Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Acara seterusnya dimeriahkan dengan persembahan Dikir Assalamualaika, Dikir Asyrakal, Dikir Khairuman serta dikir-dikir seterusnya.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan sebagai tanda kesyukuran, di samping memohon keberkatan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan bagi Negara Brunei Darussalam serta keselamatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis Dikir Maulud berkenaan

merupakan sebahagian daripada rangkaian acara yang berlangsung selama 12 malam berturut-turut sehingga 12 Rabiulawal 1448 Hijrah, bersamaan 24 Ogos 2026.



RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran) dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Latihan Penuh bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara, Daerah Brunei dan Muara (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Ogos. - Dalam beberapa hari sahaja lagi, masyarakat Islam di negara ini khususnya dan umat Islam di seluruh dunia amnya akan menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang majoriti penduduknya beragama Islam, seperti lazimnya, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan secara besar-besaran sebagai salah satu usaha untuk memperkembangkan dan menyemarakkan lagi syiar Islam di negara ini, di samping memperingati Hari Keputeraan

Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada setiap 12 Rabiulawal Tahun Hijrah.

Sehubungan itu, pada tahun ini Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448H akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara, pada Selasa, 12 Rabiulawal 1448H bersamaan 25 Ogos 2026M, bermula pada pukul 7.00 pagi dengan perhimpunan dan perarakan.

Sebagai persediaan bagi memastikan kelancaran acara kemuncak Majlis Sambutan

Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448H, latihan penuh bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan pagi tadi bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Hadir sama bagi menyaksikan latihan penuh pagi tadi, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Ihsan Pusat Da'wah Islamiah



Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap daripada pengendali-pengendali bersama, serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang lain.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448H dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); JPM; Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI); serta Dewan Perusahaan dan Perniagaan Melayu Brunei.

Tema bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448H ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah'.

Majlis Bercorak Keagamaan diteruskan di Istana Nurul Iman

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Dikir Maulud sempena Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di Istana Nurul Iman (atas kanan), manakala gambar atas, sekitar majlis tersebut bagi jemputan perempuan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Ogos. - Majlis Dikir Maulud sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam di Istana Nurul Iman diteruskan lagi bagi malam kelapan, malam tadi bertempat di Surau Istana Nurul Iman bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut serta dalam majlis berkenaan di bahagian lelaki ialah rombongan Jawatankuasa Majlis Perundangan Kampung (MPK) Belait; Jawatankuasa Takmir dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Setia Ali, Pekan Muara; dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), Bahagian Sekolah Ugama (Daerah Belait).

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran

yang dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Sungai Besar, Awang Ayub bin Ali.

Seterusnya, tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Melalui Doa Penutup, Sembahyang, Pelindung Kehidupan' yang disampaikan oleh Awang Muhammad Salihan bin Samra dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menyemarakkan suasana majlis.

Persembahan dikir dimulakan dengan Dikir Assalamualaika, diikuti Dikir Khairuman, Bisyahrin, Al-Hamdu/Badat dan Asyarakal.

Sementara itu, majlis seumpamanya turut berlangsung di Surau Perempuan Istana Nurul Iman yang dihadiri oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail.

Turut hadir, rombongan dari MPK Belait; Kumpulan Qamarun Nissa, Rimba; Muslimah masjid dan KBM Masjid Kampung Lumapas; serta pegawai-pegawai dari JPI, Bahagian Sekolah Ugama (Daerah Belait).

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dipimpin oleh Dayang Rezziatul Fitriah binti Suharyono dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), manakala tazkirah dengan tajuk yang sama disampaikan oleh Dayang Siti Ramziah binti Haji Ramli dari PDI.

Kedua-dua majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.






PANDU DENGAN PERLAHAN. KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN AWDA MELUNCUR

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan

21:49

68

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

DIKIR MAULUD TERUS BERGEMA, SEMARAKKAN CINTA RASULULLAH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Ogos. - Ruang Istana Nurul Iman terus bergema dengan alunan selawat dan puji-pujian ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi Majlis Dikir 12 Malam Berturut-Turut yang diadakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah.

Majlis yang menjadi antara pengisian utama dalam memperingati hari kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu menyaksikan penyertaan pelbagai pihak termasuk kementerian, jabatan kerajaan, institusi pendidikan serta agensi lainnya bersama-sama mengimarahkan malam-malam Maulud dengan laungan selawat, zikir dan puji-pujian penuh penghayatan.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Surau Istana Nurul Iman, di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Sejurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Al-Quran yang dibacakan oleh Pegawai Pendidikan Ugama - PGU 3 (Tenaga Pengajar), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Bolkiah Garrison, Kementerian Pertahanan, Awang Haji Nor Asilin Awang Haji Putting.

Setelah itu, Pegawai Perkembangan Ugama, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Haji Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi dalam tazkirahnya antara lain

menerangkan mengenai menyemai rasa cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar melalui ungkapan selawat dan pujian, malah dapat diterapkan dalam kehidupan seharian dengan mengamalkan sunnah Baginda, termasuk dalam adab ketika makan dan minum.

Tazkirah bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Memohon Barakah dalam Setiap Rezeki' bagi malam kesembilan itu, Awang Haji Ahmad Muzhafar mengetengahkan zikir makan dan minum sebagai antara amalan mudah yang wajar dibiasakan oleh setiap Muslim bagi memohon keberkatan terhadap rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara doa yang dianjurkan ketika makanan hendak dihidangkan ialah "*Allahumma Barik Lana Fima Razaqtana, Wa Qina 'Azaban Nar, Bismillah*", yang bermaksud : "Ya Allah, berkatilah kami pada apa yang Engkau rezekikan kepada kami dan lindungilah kami daripada api neraka. Dengan nama Allah".

Awang Haji Ahmad Muzhafar turut menjelaskan bahawa membaca Bismillah sebelum makan dan minum merupakan antara sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang wajar diamalkan. Lafaz

yang paling sempurna ialah *Bismillahirrahmanirrahim*, manakala memadai dengan menyebut *Bismillah* bagi melaksanakan sunnah tersebut.

Dalam pada itu, tazkirah turut menekankan kepentingan menjaga adab terhadap makanan dengan tidak menghina atau mencela

makanan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak pernah menghina makanan. Jika Baginda menyukai sesuatu makanan, Baginda akan memakannya, manakala jika tidak menyukainya, Baginda memilih untuk meninggalkannya tanpa mencela makanan tersebut.

Tazkirah tersebut turut mengingatkan bahawa adab makan dan minum yang diajarkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan amalan kecil yang mempunyai nilai besar dalam membentuk akhlak seorang Muslim.

Sementara di ruang lain bagi jemputan perempuan pula juga dimeriahkan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Dayang Rossne binti Abdul Rahman yang menerangkan, kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar dizahirkan melalui ungkapan, sebaliknya perlu dibuktikan dengan memahami sirah dan ajaran Baginda, menghidupkan sunnah serta mengamalkan doa-doa yang diajarkan oleh Baginda dalam kehidupan seharian.

Dalam tazkirah tersebut, Dayang Rossne menjelaskan bahawa antara cara menyemai kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah dengan mempelajari, menghafal dan mengamalkan doa-doa yang diajarkan oleh Baginda, seterusnya menjadikannya sebagai sebahagian daripada rutin kehidupan.

Beliau turut mengingatkan mengenai sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Sesiapa yang mahu Allah kabulkan doanya waktu ditimpa kesusahan atau kesulitan, maka hendaklah ia memperbanyakkan doanya



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di Istana Nurul Iman.

sewaktu ia senang". (Hadis riwayat at-Tirmizi).

Sehubungan itu, umat Islam diseru supaya menilai kembali doa yang dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, khususnya dalam memohon rezeki, sama ada sekadar meminta rezeki yang banyak atau lebih utama memohon rezeki yang berkat.

Dalam pada itu, umat Islam dianjurkan mengamalkan doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berkaitan keberkatan rezeki yang bermaksud : "Ya Allah, berkatilah kami pada apa yang Engkau rezekikan kepada kami dan lindungilah kami daripada api neraka. Dengan nama Allah".

Tazkirah turut menekankan bahawa keberkatan rezeki akan terus terpelihara apabila seseorang sentiasa reda dan bersyukur terhadap segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Hal ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7, yang bermaksud : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur terhadap segala nikmat-Ku, tentu Aku akan menambah nikmat itu kepadamu".

Seramai 85 peserta dari Kementerian Pembangunan mempersembahkan Dikir Assalamualaika dan Asyarakal yang dialunkan dengan penuh semangat dan rasa kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut mengambil bahagian ialah seramai 60 peserta yang terdiri daripada Muslimah Masjid Universiti, ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang mempersembahkan Dikir Khairuman sekali gus menyerlahkan semangat ukhuwah serta kerjasama erat antara masyarakat dan institusi masjid dalam menyemarakkan syiar Islam.

Sementara itu, seramai 30 peserta daripada Muslimah Masjid dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang mendendangkan Dikir Bisyrin, manakala Bahagian Pelajaran Lanjutan Skim Tilawah Al-Quran, Jabatan Pengajian Islam (JPI) dengan penyertaan 50 peserta mempersembahkan Dikir Alhamdu dan Badat.

Bagi memberkati majlis, Doa Dikir dibacakan oleh Awang Haji Abdul Azizi bin Haji Abdul Ghani. Manakala bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Majlis Dikir 12 Malam Berturut-Turut merupakan tradisi tahunan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam sebagai wadah memperkukuhkan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menghayati perjuangan, akhlak serta sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan sijil kepada graduan yang diraikan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ihsan Laksamana College of Business

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Ogos. - Seramai 526 graduan diraikan pada Majlis Graduasi 2026 Laksamana College of Business (LCB) yang diadakan di The Rizqun International Hotel.

Majlis ini adalah bagi meraikan pencapaian akademik yang membanggakan yang diraih oleh para graduan.

Bagi program University of Essex pada tahun ini, seramai 102 graduan menamatkan pengajian dalam bidang Accounting and Finance, Computer Science, International Tourism Management, Marketing,

Business Management dan Law.

Daripada jumlah tersebut, seramai 11 graduan berjaya memperoleh First Class Honours.

Majlis graduasi berkenaan turut diserikan dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Jefriah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis Graduasi 2026 raikan graduan LCB

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti beberapa ucapan, antaranya daripada Pengarah dan Pengetua LCB dan KCB, Ian Pirie; Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Ken O'Flaherty; serta Timbalan Dekan Essex Business School, University of Essex, United Kingdom, Professor Mehmet Demirbag.

Naib Canselor University of Essex, Professor Frances Bowen, turut menyampaikan ucapan melalui rakaman video.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil kepada graduan Program Ijazah dan Asasi oleh tetamu kehormat.

Graduan Program Ijazah yang memperoleh keputusan Summa Cum Laude turut berpeluang menyampaikan ucapan sebelum majlis berehat seketika.

Sesi seterusnya menyaksikan penyampaian sijil kepada graduan Program KCB, BTEC dan City & Guilds, diikuti ucapan daripada graduan program berkenaan yang memperoleh Summa Cum Laude.

Turut berlangsung ialah penyampaian Anugerah Duta Besar China oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Majlis diakhiri dengan

penyampaian cenderahati penghargaan kepada tetamu kehormat oleh Pengarah Abdul Razak Holdings dan Laksamana

College of Business, Awang Haji Suhaimi bin Haji Awang Besar sebelum para tetamu menikmati jamuan ringan.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Para graduan dan alumni diharap akan terus menitikberatkan usaha mempertingkatkan kemahiran. Kelangsungan hidup masyarakat kita dalam era globalisasi yang serba mencabar ini amatlah bergantung kepada kesediaan kita untuk terus meneroka ilmu serta menguasai kepakaran baharu. Islam sentiasa menggalakkan umatnya untuk terus menambah ilmu, sebagaimana dalam Surah Taha, ayat 114, Allah Subhanahu Wata'ala menarakan kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya berdoa memohon pertambahan ilmu.

Di kesempatan ini, beta menyeru kepada semua graduan dan alumni UNISSA agar senantiasa berusaha memajukan diri dengan meningkatkan kebolehpasaran masing-masing, terutama melalui penglibatan aktif dalam bidang keusahawanan yang bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, bahkan juga menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara.

Akhir kalam, beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis, Senat, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, tenaga akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan UNISSA atas segala sumbangan, komitmen, pengorbanan tenaga dan buah fikiran yang telah dicurahkan yang dalam menjayakan Majlis Haflut Takharuj Ke-16 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalasnya dengan ganjaran kebaikan yang berlipat ganda. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

KECEMERLANGAN PENJAGAAN KESIHATAN BUKAN SEKADAR KEPAKARAN KLINIKAL

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

>> Muka 1

Dipengerusikan oleh Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi, Dr. Si Lay Khaing, simposium ini menyediakan wadah khusus bagi para profesional penjagaan kesihatan, pegawai perubatan, pakar undang-undang dan pemimpin kejururawatan untuk meneliti aspek kemanusiaan dalam penjagaan pesakit.

Simposium tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dalam kapasiti sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Dalam ucapan alu-aluan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata bahawa penjagaan kesihatan yang penuh dengan kasih sayang adalah mengenai menggabungkan kecemerlangan klinikal dengan sikap baik hati, empati dan rasa hormat, bagi memastikan setiap pesakit bukan sahaja menerima rawatan, namun juga merasakan bahawa keperluan, keseimbangan dan peranan mereka diberi perhatian sepenuhnya.

"Di JPMC, perkara ini menjadi teras kepada apa yang kami berusaha untuk capai. Misi kami adalah untuk menyediakan penjagaan yang cemerlang, berkualiti tinggi dan penuh dengan kasih sayang.

"Nilai kasih sayang sentiasa menjadi salah satu nilai teras kami, bukan sahaja terhadap para pesakit dan keluarga mereka, tetapi juga terhadap rakan-rakan sekerja kita di seluruh jabatan klinikal dan bukan klinikal," jelas Yang Berhormat.

Tekan Yang Berhormat lagi, dalam keadaan penjagaan kesihatan yang semakin kompleks, profesionalisme, komunikasi yang berkesan dan sifat penuh belas kasihan menjadi semakin penting bagi memastikan penjagaan yang diberikan sentiasa menghormati pesakit, berlandaskan empati dan mengutamakan keperluan pesakit.

Kemajuan dalam peralatan perubatan tambah Yang Berhormat, ubat-ubatan, sistem digital, data dan teknologi-teknologi baharu terus meningkatkan standard penjagaan kesihatan, mempertingkatkan kecekapan

serta memperbaiki kualiti penjagaan yang diberikan.

"Namun demikian, walaupun kemajuan ini amat penting, kita tidak boleh sesekali mengabaikan elemen paling asas dalam penjagaan kesihatan iaitu hubungan sesama insan," jelas Yang Berhormat.

Penganjuran simposium mencerminkan komitmen JPMC untuk menerajui perkhidmatan kesihatan dengan berlandaskan empati serta memastikan kecemerlangan penjagaan kesihatan bukan sahaja bergantung kepada kepakaran klinikal.

Program tersebut menghimpunkan perspektif daripada bidang klinikal, kerohanian, perundangan dan kejururawatan bagi meneroka pelbagai dimensi penjagaan kesihatan yang penuh dengan kasih sayang dan ihsan.

Pegawai Pembangunan Uagama di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi membuka sesi dengan perkongsian asas mengenai nilai belas kasihan dalam penjagaan kesihatan.

Sesi tersebut kemudiannya disusuli oleh Pengarah Brunei Neuroscience, Stroke and Rehabilitation Medicine (BNSRC), Pengiran Dr. Hajah Siti Nur'Ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah, yang membincangkan kepentingan ketelusan dalam menyampaikan maklumat mengenai kejadian buruk dan hasil rawatan yang tidak dijangka. Simposium kemudiannya menyentuh aspek-aspek lebih mencabar dalam penjagaan kesihatan.

Dr. Si Lay Khaing dan Penasihat Undang-Undang, Kevin Lo berkongsi panduan mengenai cara menangani perbualan yang sukar, konflik serta situasi sensitif sambil mengekalkan maruah dan rasa hormat terhadap pesakit.

Pakar Perunding Perubatan Rehabilitasi, Dato' Dr. Zaliha binti Omar, pula meneroka pendekatan dalam menyampaikan berita buruk dengan penuh empati. Sementara itu, Staff Nurse, Norfouziah Reha Zisah binti Md. Daud pula membincangkan sensitiviti yang berkaitan dengan penjagaan di penghujung hayat melalui sesi

YANG Berhormat Menteri Kesihatan, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir merasmikan simposium tersebut.

bertajuk 'Last Office With Compassion' iaitu pengurusan jenazah selepas kematian dengan penuh ihsan dan hormat.

Pelbagai perspektif tersebut kemudiannya dirumuskan melalui sesi perbincangan panel, dikendalikan oleh JPMC's People Manager, Jang Tracy Ramantan McGlynn.

Panel tersebut menampilkan kesemua penceramah terdahulu sekali gus menggalakkan dialog interaktif mengenai bagaimana nilai belas kasihan dapat diterjemahkan menjadi satu standard penjagaan yang konsisten dalam pelbagai persekitaran klinikal dan profesional.

Perbincangan tersebut turut menekankan kepentingan membina budaya institusi yang dikongsi bersama, di mana setiap peringkat warga kerja memainkan peranan dalam membentuk pengalaman pesakit.

Bagi menerapkan prinsip-prinsip tersebut dalam amalan klinikal seharian, simposium turut menampilkan sesi lakonan situasi (*roleplay*) secara interaktif pada sebelah pagi dan petang. Para peserta mensimulasikan interaksi sensitif dengan pesakit serta situasi yang mencabar dari segi emosi.

Aktiviti ini memberi peluang kepada peserta untuk mempraktikkan komunikasi berempati, mengendalikan perbualan yang sukar serta memahami bagaimana tutur kata, tindakan dan cara mereka berinteraksi dapat mempengaruhi pengalaman pesakit sepanjang menerima penjagaan.

Pada penutup simposium, Consultant Physician and Patient Centred Care (PCC) Chapter Leader, Datin Dr. Dayang Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee, menegaskan bahawa kecemerlangan klinikal yang sebenar dicapai apabila kecekapan perubatan disertai dengan empati kemanusiaan yang tulus.

Simposium ini mengukuhkan hasrat JPMC untuk menerajui bukan sahaja dari segi kualiti perkhidmatan klinikal, tetapi juga melalui cara penjagaan diberikan dengan empati, belas kasihan, maruah dan rasa hormat.

Prinsip-prinsip ini akan terus menjadi panduan kepada usaha JPMC dalam mewujudkan persekitaran penjagaan kesihatan di mana para pesakit dan penjaga mereka berasa disokong, difahami dan diberikan perhatian pada setiap peringkat perjalanan mereka.

AHLI-ahli panel di Simposium Penjagaan Kesihatan Berteraskan Kasih Sayang (Compassionate Healthcare Symposium) berkenaan.



Majlis Dikir Maulud terus diimarahkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SETIAUSAHA Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan ketika hadir semasa Majlis Dikir Maulud yang diadakan di Masjid Universiti (atas) manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

TUNGKU LINK, Khamis, 20 Ogos. - Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam, hari ini.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Setiausaha Tetap (Fiskal), Kementerian Kewangan, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad. Turut hadir, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Haji Sofian bin Haji Jani serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan. Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya Dikir Maulud.

Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis ini telah diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Kementerian Kewangan dan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



ZAHIR RASA KECINTAAN TERHADAP RASULULLAH

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas) manakala gambar atas kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

BERAKAS, Rabu, 19 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya lewat petang tadi mengadakan Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di MTIC, ketua-ketua

eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan MTIC bersama jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang, sebelum diteruskan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam.

Selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Asyarakal dan diakhiri dengan Doa Penutup Majlis Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Dikir Syarafil Anam merupakan antara aktiviti keagamaan tahunan kementerian dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping memperingati kelahiran dan menzahirkan kecintaan terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menghayati jasa dan pengorbanan Baginda dalam menyampaikan risalah Islam.

Majlis berkenaan juga dihasratkan untuk terus menyemarakkan syiar Islam serta memperkukuh ukhuwah dan silaturahim dalam kalangan warga MTIC bersama jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"Boleh percaya kan tu?"

"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"

"lawah? Banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Meningkatkan kemahiran dalam mengendalikan situasi krisis



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei bergambar ramai semasa kunjungan hormat delegasi Polis Diraja Malaysia sempena Kursus Rundingan Krisis (Crisis Negotiation Course) (atas) manakala gambar atas kanan, sekitar kunjungan hormat tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Ogos. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Bahagian Latihan, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan sedang mengendalikan Kursus Rundingan Krisis (Crisis Negotiation Course) yang berlangsung dari 15 hingga 27 Ogos 2026.

Kursus ini dikendalikan dengan kerjasama enam tenaga pengajar dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang diketuai oleh DCP Datuk M.V. Srikumar Madhavan Nair.

Sempena kursus tersebut, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin telah menerima kunjungan hormat

daripada delegasi PDRM di Bilik Persidangan Putera Negara, Mes Pegawai PPDB.

Dalam kunjungan tersebut, kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai latihan dan pembangunan pegawai serta berkongsi pengalaman dalam bidang rundingan krisis.

Seramai 25 pegawai PPDB menyertai kursus ini yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan situasi krisis, khususnya dalam aspek komunikasi, pengurusan tekanan, penilaian situasi dan membuat keputusan semasa rundingan.

Kursus ini juga merangkumi

sesi khas mengenai pengurusan tekanan dan kebimbangan bagi perunding krisis dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Kursus ini merupakan salah satu usaha PPDB untuk terus meningkatkan kemahiran dan kesiapsiagaan pegawai dalam menangani situasi krisis, khususnya insiden yang memerlukan rundingan secara teratur dan berkesan.

Di samping itu, kerjasama ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan antara PPDB dan PDRM, khususnya dalam bidang latihan, perkongsian pengalaman dan kepakaran kepolisian.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



جاہلی چولیا بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

KHEDN MENERUSKAN MAJLIS DIKIR KE DAERAH TEMBURONG



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Rabu, 19 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir

sempena Sambutan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Daerah Temburong, bertempat di Masjid Kampung

Selangan, Mukim Amo, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong.

Majlis dimulai dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan Dikir Maulud serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa agar Negara Brunei Darussalam terselamat daripada bala dan segala penyakit.

Objektif majlis berkenaan diadakan adalah bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul serta menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Daerah Temburong, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan,

pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta ahli-ahli

jawatankuasa takmir masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Zahir rasa kasih sayang, kesyukuran atas jasa Rasulullah

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Maulud Nabi yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas) manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

TEMBURONG, Khamis, 20 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan; Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan; serta Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) lewat petang tadi mengadakan Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad.

Majlis didahului dengan penyerahan sumbangan wakaf daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini dan diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis sebagai permulaan kepada bacaan Dikir Syarafil Anam, diikuti dengan bacaan Dikir Marhaban, sebelum diakhiri dengan Doa Penutup Majlis Dikir yang dipimpin oleh Awang Muhammad Syahmi.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan untuk memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul dengan berselawat dan memuji ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi menunjukkan rasa kasih sayang dan kesyukuran atas jasa-jasa Baginda.

Di samping itu, majlis berkenaan juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam selain dapat mengeratkan lagi silaturahim di antara pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dengan jemaah masjid.

Turut hadir, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.



JPM terus semarakkan Majlis Dikir Maulud



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu khas Majlis Dikir yang diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait (atas) manakala gambar bawah, sekitar majlis tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hasif Matzin

BELAIT, Khamis, 20 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, malam tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga), JPM, Pengiran Haji

Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan wirid, doa dan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan Dikir Assalamualaika dan Dikir Syarafil Anam daripada kumpulan dikir masjid berkenaan.

Kemudian diteruskan dengan Dikir Marhaban, diikuti dengan bacaan doa selepas Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah serta doa sebagai penutup majlis.

Majlis tersebut merupakan anjuran bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei, JPM selaku Pengerusi Majlis dengan dikendalikan bersama oleh Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Kehakiman Negara.



MEMASTIKAN PRODUK, PENGALAMAN DITAWARKAN MEMPUNYAI KEUNIKAN, IDENTITI TERSENDIRI



SETIAUSAHA Tetap (Kesejahteraan Masyarakat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, semasa berucap pada bengkel tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Sokongan dasar Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) terhadap daya usaha komuniti, sama ada dalam bentuk perkhidmatan tempatan, aktiviti kebudayaan, mahupun inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P), adalah berteraskan usaha memperkukuh ketahanan sosioekonomi kampung. Pada asasnya, produk 1K1P dan pelbagai aktiviti tempatan merupakan hasil penawaran, ikhtiar ekonomi serta kreativiti yang lahir daripada inisiatif masyarakat di peringkat mukim dan kampung. Namun demikian, untuk mentransformasikan aktiviti berkenaan menjadi produk dan pengalaman pelancongan yang berdaya saing dan bernilai tambah, komuniti perlu diperkasa dengan keupayaan yang bersesuaian, khususnya daripada aspek pengurusan, kepimpinan, penyampaian perkhidmatan serta jaminan konsistensi kualiti. Perkara

berkenaan penting bagi memastikan produk dan pengalaman yang ditawarkan bukan saja mempunyai keunikan dan identiti tersendiri, tetapi juga mampu memenuhi jangkaan pengunjung secara konsisten dan berterusan.

Perkara berkenaan antara yang diutarakan oleh Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut ketika menyampaikan ucapatama semasa berlangsungnya Bengkel Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community-Based Tourism - CBT) anjuran Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) bagi hari pertama pagi tadi, bertempat di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Terdahulu, beliau antaranya menekankan sebagai sebuah kementerian yang antara lainnya bertanggungjawab terhadap pentadbiran daerah dan kesejahteraan masyarakat, peranan KHEDN adalah berteraskan usaha memperkukuh institusi Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) sebagai wadah penggerak kepada pembangunan komuniti. Melalui jabatan-jabatan daerah tambahnya, KHEDN berperanan dalam memastikan setiap pengurusan dan pengendalian aktiviti serta perusahaan komuniti dilaksanakan secara cekap, teratur, dan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa, di samping menggalakkan pendekatan pengurusan yang

berdaya tahan dan mampan.

Dalam pada itu, Awang Salminan juga mengongsikan menerusi rangkaian 39 buah mukim dan lebih 217 MPK di keempat-empat daerah, jelas menunjukkan adanya kepelbagaian potensi yang terdapat di peringkat komuniti. Potensi berkenaan merangkumi aktiviti rekreasi berasaskan alam semula jadi, demonstrasi seni budaya dan kraf warisan, kulineri dan makanan tradisi, seni pertukangan serta pelbagai lagi pengalaman yang berakar umbi daripada identiti dan keunikan setiap mukim dan kampung.

Tambahnya lagi, kejayaan inisiatif 1K1P di bawah kawal selia KHEDN, pada misalnya, juga membuktikan bahawa potensi berkenaan mampu diterjemahkan kepada aktiviti ekonomi yang bernilai. Dengan seramai 160 usahawan MPM dan MPK mencatatkan nilai jualan melebihi dua juta dollar dari 2025 hingga pertengahan tahun ini, pencapaian berkenaan jelas menunjukkan bahawa komuniti mempunyai asas dan landasan ekonomi yang kukuh untuk melangkah ke fasa seterusnya.

"Walau bagaimanapun, usaha membentuk dan membangunkan perusahaan CBT perlu berjalan seiring dengan kesiapsiagaan organisasi dan keupayaan pengurusan komuniti yang berkesan.

"Pada masa yang sama, komuniti juga perlu memberikan perhatian kepada pembangunan kepimpinan serta penyediaan pelapis daripada generasi baharu. Aspek ini amat penting bagi memastikan kesinambungan kepimpinan, pengetahuan, kemahiran dan perusahaan yang telah

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Jabatan Kemajuan Pelancongan

dibangunkan dapat dipertahankan dalam jangka panjang," ujarnya lagi.

Awang Salminan turut berkata dalam usaha memperkembangkan aktiviti pelancongan berasaskan komuniti, masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diatasi. Antaranya termasuklah mengadakan modal kewangan untuk pembangunan perusahaan CBT, keterbatasan kemahiran dalam hospitaliti dan pengurusan kewangan, pematuhan peraturan, keselamatan dan kesejahteraan awam serta prasarana asas yang tidak memadai yang boleh menjejaskan keselesaan para pelancong. Selain itu, isu kepimpinan, tadbir urus dan struktur organisasi komuniti yang tidak stabil juga menjadi penghalang pelaksanaan CBT yang berkesan.

Walau bagaimanapun jelasnya lagi, peluang dalam sektor CBT di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah amat luas. Antara peluang utama yang perlu diterokai dan dimanfaatkan oleh komuniti kampung termasuklah penglibatan aktif golongan belia; transformasi ke arah perusahaan sosial atau *Social Enterprise*; pendigitalan dan peluasan pemasaran.

Dalam konteks berkenaan kata Awang Salminan lagi, penglibatan para akademik dalam bengkel ini amat dialu-alukan. Institusi pendidikan tinggi boleh berperanan sebagai rakan strategik dasar dalam memperkukuh ekosistem CBT melalui penyelidikan dasar berasaskan bukti; pengumpulan analisis dan perkongsian data serta

maklumat berkaitan aktiviti CBT; pendokumentasian dan penerbitan hasil, pengalaman serta amalan terbaik perusahaan CBT di NBD; dan penyediaan input berasaskan kajian, kepakaran dan analisis dalam menyokong perancangan, pembuatan keputusan serta pengubalan dasar.

"Kerjasama ini penting supaya pembangunan CBT tidak hanya didorong oleh aspirasi dan idea yang baik, tetapi turut disokong oleh data, pengetahuan dan bukti yang dapat membantu membuat keputusan yang lebih tepat dan berkesan," tambahnya.

Awang Salminan menaruh harapan agar para peserta bengkel akan memberikan tumpuan dan komitmen sepenuhnya supaya setiap perbincangan, perkongsian pengalaman dan dapatan bengkel berkenaan dapat diterjemahkan kepada tindakan yang nyata, praktikal dan berimpak tinggi.

"Marilah kita bersama-sama memainkan peranan yang aktif dalam mengenal pasti potensi, menangani cabaran dan membina keupayaan komuniti agar setiap inisiatif yang dibangunkan mempunyai asas tadbir urus yang kukuh, model ekonomi yang berdaya tahan serta manfaat yang jelas kepada masyarakat.

"Yang lebih penting, saya berharap agar bengkel ini dapat menghasilkan satu pelan tindakan yang konkrit, praktikal dan boleh dilaksanakan dengan peranan dan tanggungjawab yang jelas kepada setiap pihak berkepentingan," ujarnya lagi.

Memperkasa sektor pelancongan dengan penglibatan komuniti tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), sedang menganjurkan Bengkel Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community-Based Tourism - CBT) selama dua hari, bermula hari ini hingga 20 Ogos 2026.

Bengkel yang diadakan di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) berkenaan bertujuan untuk terus memperkukuh dan meningkatkan inisiatif pelancongan berasaskan komuniti di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kira-kira 60 peserta yang terdiri daripada ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang aktif mengendalikan perusahaan CBT telah menyertai bengkel berkenaan.

Dengan menyelaraskan tawaran tempatan mengikut trend pasaran global semasa, jangkaan kualiti dan piawaian perkhidmatan, inisiatif berkenaan bertujuan untuk menjadikan destinasi pelancongan komuniti lebih berdaya saing, mampan dan menarik bagi pengunjung antarabangsa mahupun domestik.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu-tetamu kehormat majlis semasa berlangsungnya hari pertama bengkel pada pagi tadi, Setiausaha Tetap, KEPI, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; dan Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat),

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut.

Terdahulu, Awang Mohammad Harris dalam ucapan alu-aluannya antaranya menyatakan bahawa penganjurkan pembangunan produk CBT berkenaan merupakan usaha berterusan KEPI menerusi JKP untuk memperkasa sektor pelancongan dengan penglibatan komuniti tempatan yang merupakan teras utama yang menghidupkan dan menjamin kelestarian CBT.

Dalam hal ini jelasnya lagi, usaha dan peranan KHEDN dalam memperkukuh penglibatan serta pembangunan MPM dan MPK amatlah dihargai, selaras dengan pendekatan Whole-of-Nation.

"Lebih-lebih lagi, penganjurkan ini hadir pada masa yang bertepatan dalam kita menuju Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year - VBY 2027).

"Ini bukan sahaja merupakan peluang untuk memperkukuh penawaran produk pelancongan negara, malah untuk mengetengahkan, memperkasa dan meletakkan MPM dan MPK sebagai aset yang mampu menjadi tarikan kepada para pelawat," tambahnya lagi.

Awang Mohammad Harris turut mengongsikan bahawa JKP bersama fasilitator dan wakil komuniti telah menjalankan penilaian tapak di MPM Tanjung Maya, MPM Serasa dan MPK Labi, dengan mengambil kira model kejayaan Koperasi Pelancongan Batu Puteh Berhad (KOPEL) yang diiktiraf sebagai UN Tourism Best Tourism Village 2021 dan

merupakan penanda aras yang baik bagi pembangunan CBT negara.

Beliau juga berharap bengkel selama dua hari berkenaan yang disertai 60 peserta daripada komuniti MPM dan MPK serta ahli akademik tersebut akan dapat merumuskan cadangan strategik untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kualiti dan nilai tambah produk, serta menyokong pembangunan CBT yang lebih berdaya maju.

"CBT mempunyai kedudukan yang strategik dalam usaha ini dan telah dikenal pasti di bawah Brunei Darussalam Tourism Industry Roadmap (2023-2035) sebagai salah satu tawaran produk teras yang memanfaatkan kekayaan budaya dan alam semula jadi negara. Dengan momentum VBY, ini adalah peluang yang baik untuk memperlihatkan potensi ini dengan lebih tersusun dan berimpak kepada pasaran antarabangsa," ujarnya lagi.

Melalui penganjurkan bengkel berkenaan, pakar pemudah cara bersama dari Sabah telah dilantik oleh JKP untuk berkongsi kepakaran secara praktikal serta amalan terbaik serantau. Pakar-pakar dari Sabah berkenaan telah menerima pengiktirafan 'UN Tourism Best Tourism Village' pada 2021 atas usaha mereka dalam pengendalian operasi CBT di Kinabatangan, Sabah.

Dua hari sebelum bermulanya bengkel secara rasmi, JKP dan para fasilitator bersama menjalankan penilaian terperinci di tapak lokasi CBT tempatan untuk menilai secara langsung tarikan,



SEBAHAGIAN yang hadir dan ikut serta bengkel yang diadakan di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

kemudahan dan pakej kebudayaan yang sedia ada. Audit tapak berkenaan memberikan pandangan pertama yang berharga dan cadangan praktikal, yang dimasukkan secara langsung ke dalam sesi bengkel untuk membantu peserta membangunkan strategi pertumbuhan yang disasarkan.

Antara yang turut hadir, Pengerusi KOPEL Bhd., Sabah, Abd. Sanih Nasri bersama rakan-rakan sekerja dari KOPEL Bhd., Sabah; pegawai-pegawai daerah dan pemangku pegawai daerah; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung; Ahli-ahli MPM dan MPK; para ahli akademik universiti; dan juga pegawai-pegawai kanan JKP.

Berdasarkan aktiviti bengkel, maklum balas peserta dan aplikasi perancangan tindakan strategik yang ditunjukkan, bengkel

berkenaan telah mencapai tiga hasil utama, iaitu memperkukuh pengetahuan dan kemahiran praktikal lebih daripada 60 peserta dalam pengurusan perusahaan CBT asas serta piawaian hospitaliti; mengenal pasti laluan bimbingan pasca-bengkel yang membolehkan peserta terus mendapatkan nasihat daripada pakar dan JKP; serta membangunkan inventori produk yang mengelaskan tawaran CBT sebagai *market-ready* atau *requiring further development*.

Inventori berkenaan akan membantu dalam memandu pemberian bantuan susulan yang disasarkan, peningkatkan produk dan inisiatif kesediaan pasaran pada masa hadapan. JKP kekal komited untuk menyokong perusahaan mukim dan kampung tempatan sebagai penyumbang utama kepada portfolio pelancongan mampan NBD.



SILA IMBAS UNTUN KHUTBAH LENGKAP

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


 جيلان حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERJUANGAN DAN PENGORBANAN RASULULLAH S.A.W DALAM MENYEBARKAN DAKWAH ISLAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 08 RABIULAWAL 1448 / 21 OGOS 2026



NIKMAT ISLAM DAN IMAN

Nikmat ini tidak datang dengan mudah dan tidak diperolehi dengan senang bahkan ia hadir melalui perjuangan yang amat berat, menuntut pengorbanan yang besar serta penderitaan yang dilalui oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

UJIAN DAKWAH



Sejarah Islam mencatatkan bahawa perjalanan dakwah Rasulullah S.A.W merupakan perjuangan yang berliku-liku penuh dengan ujian, kesabaran dan pengorbanan yang luar biasa.

DAKWAH KE TAIF

Dakwah baginda bukan sahaja ditolak, malah baginda disorak dan dibaling dengan batu oleh penduduk Taif sehingga kaki baginda berlumuran darah.




SIFAT RAHMAH

Baginda tidak pernah membalas kejahatan dengan kejahatan, sebaliknya membalasnya dengan kasih sayang.



PENGORBANAN RASULULLAH S.A.W

Baginda bukan sahaja telah berkorban tenaga, masa dan harta malah sanggup menghadapi pelbagai cabaran dan penderitaan demi menyampaikan dakwah Islam kepada seluruh umat manusia.



TANGGUNGJAWAB UMAT ISLAM

Umat Islam bertanggungjawab menyebarkan nilai-nilai murni Islam melalui akhlak yang baik, saling menghormati dan menjadi contoh yang positif dalam masyarakat. Dengan demikian, agama Islam akan terus terpelihara dan berkembang seperti yang diperjuangkan oleh Rasulullah S.A.W.





Perjuangan dan pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan dakwah Islam

Wasallam bersama keluarga Bani Hashim, Bani Al-Mutalib dan pengikut Baginda disisih dan dipulaukan di Syi'ib Abi Talib. Mereka dilarang berjual beli, segala talian ekonomi diputus dan interaksi dengan orang lain disekat, sehingga mereka terpaksa memakan daun-daunan dan kulit kayu untuk bertahan hidup kerana kelaparan yang sangat hebat.

Tiada hari tanpa ujian bagi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda sering dicaci, dihina, malah diperlakukan dengan kasar. Kemuncak kezaliman mereka, apabila suatu ketika Baginda sedang sembahyang di depan Kaabah, kaum Quraish dengan hati yang busuk telah meletakkan kotoran dan isi perut unta yang telah disembelih di atas belakang Baginda ketika Baginda sedang sujud. Sungguhpun keterlaluan perbuatan mereka itu, Baginda tetap tabah dan sabar menerima penghinaan ini.

Lebih kurang 13 tahun berdakwah di Mekah, pelbagai peristiwa telah Baginda alami, ini termasuklah kewafatan bapa saudara Baginda Abu Talib dan isteri Baginda Sayidatina Khadijah Radiallahuanha yang merupakan antara peristiwa paling menyedihkan dalam kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Kedua-duanya meninggal dunia pada tahun yang sama, sekitar tahun ke-10 selepas kenabian Baginda, sehingga tahun tersebut tercatat dalam sejarah Islam sebagai 'Am al-Huzni' iaitu tahun kesedihan.

Sungguhpun bapa saudara Baginda, Abu Talib itu tidak memeluk agama Islam, beliau sentiasa mempertahankan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada ancaman dan tekanan kaum Quraish. Ketiadaannya merupakan kehilangan pelindung utama yang selama ini membantu Baginda daripada menghalang kaum Quraish daripada mencederakan Baginda. Impaknya penindasan terhadap umat Islam menjadi semakin agresif dan berat kerana tiada lagi tokoh yang disegani untuk mempertahankan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Oleh sebab itu Baginda berasa sangat sedih kerana kehilangan insan yang banyak berjasa dalam hidup Baginda.

Manakala Sayidatina Khadijah Radiallahuanha pula adalah seorang isteri yang sentiasa mencurahkan kasih sayang, tidak putus-putus memberi sokongan moral serta mengorbankan seluruh harta kekayaannya untuk membantu perjuangan syiar Islam. Oleh itu, kewafatan beliau juga memberi kesan yang amat mendalam. Baginda bukan sahaja kehilangan teman hidup yang paling setia, kehilangan tempat berkongsi kesusahan dan memperoleh

ketenangan. Bahkan kehilangan orang yang sentiasa menjadi sumber kekuatan ketika wahyu mula diturunkan dan ketika Baginda menghadapi tantangan masyarakat Mekah. Maka kesan daripada kehilangan kedua-dua pelindung dan penyokong kuat Baginda itu, Baginda terus menghadapi tekanan yang lebih hebat daripada kaum Quraish. Akan tetapi walaupun diuji dengan kehilangan dua insan yang paling rapat, Baginda tetap tabah, sabar dan meneruskan dakwah kepada umat manusia. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman kepada Baginda agar tidak terlalu bersedih kerana keengganan manusia menerima dakwah. Firman-Nya ini terkandung di dalam Surah Al-Kahfi, ayat 6 :

Tafsirnya : "Maka barangkali mungkin engkau (wahai Nabi Muhammad) akan merosakkan dirimu kerana menanggung dukacita disebabkan mereka berpaling daripadamu (dan mereka tidak beriman kepada keterangan (Al-Quran) ini".

Dalam usaha Baginda mencari perlindungan dan sokongan dakwah di luar Mekah, Baginda telah mengalihkan pandangan melangkah pergi ke Taif dengan berjalan kaki. Namun, dakwah Baginda bukan sahaja ditolak, malah Baginda disorak dan dibaling dengan batu oleh penduduk Taif sehingga kaki Baginda berlumuran darah.

Di saat Baginda menanggung kesakitan itulah datang malaikat menawarkan bantuan untuk menghempap gunung ke atas penduduk Taif, namun lihatlah sifat Baginda, dengan sifat rahmahnya, menolak tawaran tersebut, malah mendoakannya agar keturunan mereka kelak menyembah Allah Subhanahu Wata'ala. Betapa besar perjuangan dan pengorbanan demi mempertahankan syiar Islam. Rasulullah akhirnya melangkah pergi meninggalkan tanah air tercinta Mekah, tempat Baginda dilahirkan kerana ancaman bunuh yang menanti. Baginda melangkah keluar dari rumah dalam keadaan dikelung rapat oleh para pembunuh, namun jiwa Baginda tetap tenang bertawakal sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sepanjang perjalanan hijrah ke Madinah, Baginda menempuh bahaya di Gua Tsur, menderita keletihan yang luar biasa dan dikejar musuh siang dan malam yang mahukan kepala Baginda.

Selepas berhijrah ke Madinah, dakwah Baginda diuji pula dengan siri peperangan yang mempertaruhkan nyawa seperti Perang Badar, Uhud dan Khandaq. Dalam Perang Uhud, Baginda mengalami kecederaan parah, gigi geraham Baginda patah dan wajah Baginda yang suci basah berlumuran darah akibat mempertahankan dakwah Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam menyebarkan agama Islam dengan penuh kesabaran yang luar biasa. Baginda tidak pernah membalas kejahatan dengan kejahatan, sebaliknya membalasnya dengan kasih sayang. Baginda telah lama menolak tawaran harta, takhta dan wanita daripada kaum Quraish demi mempertahankan agama Islam. Demi memastikan nikmat iman dan Islam selamat sampai ke dalam dada kita hari ini.

Renungkanlah kembali betapa kasihnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kita. Baginda bukan sahaja telah berkorban tenaga, masa dan harta malah sanggup menghadapi pelbagai cabaran dan penderitaan demi menyampaikan dakwah Islam kepada seluruh umat manusia. Oleh yang demikian, sebagai tanda kesyukuran kita yang telah dianugerahkan dengan nikmat Islam dan iman hasil daripada perjuangan dan pengorbanan Baginda, maka kita sebagai umat Islam hendaklah menjaga serta memelihara kesucian agama Islam dengan mematuhi segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Menjauhi larangannya dan mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Selain itu, umat Islam juga bertanggungjawab menyebarkan nilai-nilai murni Islam melalui akhlak yang baik, saling menghormati dan menjadi contoh yang positif dalam masyarakat. Dengan demikian, agama Islam akan terus terpelihara dan berkembang seperti yang diperjuangkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ingatlah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah berkorban segala-galanya demi menyampaikan Islam kepada kita. Maka amat rugilah jika kita mengabaikan suruhan agama kita, tidak menjaga akhlak atau lebih mengutamakan urusan dunia sehingga melupakan ajaran Baginda.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita semua dalam kalangan umat yang benar-benar mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mengurniakan kekuatan untuk istiqamah menghidupkan sunnah Baginda dan tergolong orang-orang yang mendapat syafaat Baginda di akhirat kelak, insyaaAllah Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Demi sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada golongan kamu sendiri, yang sangat mengambil berat terhadap kesusahan yang kamu tanggung, yang menginginkan kebaikan kepada kamu, sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang beriman". (Surah At-Tawbah, ayat 128)

Menanamkan nilai keislaman dalam kehidupan seharian

Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Ogos. - Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama ahli jawatankuasa takmir masjid dan Muslimah masjid meneruskan Majlis Dikir Maulud malam yang ketujuh baru-baru ini bersempena memperingati Hari Keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dikir Maulud berkenaan diadakan selama 12 malam berturut-turut sehingga 24 Ogos 2026. Bulan Rabiulawal adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam di seluruh dunia, bulan yang penuh keberkatan kerana di dalamnya terdapat Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Dikir Maulud berkenaan diserikan lagi dengan kehadiran rombongan jemputan dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dan rombongan jemputan daripada Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

Hadir mengetuai rombongan, Ketua Pegawai Operasi, Awang Haji Badaruddin bin Haji Bagol; dan Ketua Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, Dayang Azniseriyanie binti Haji Isa.

Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran ahli jawatankuasa takmir masjid, Muslimah masjid dan orang awam bagi sama-sama mengimarahkan masjid. Di samping mengimarahkan dan menghidupkan masjid pada malam-malam sebelum Hari



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Dikir Maulud yang diadakan di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, usaha berkenaan diharapkan akan dapat memupuk dan mengeratkan lagi ukhuwah

Islamiyyah dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur dan menanamkan nilai keislaman dalam kehidupan seharian.

Diharap ia juga akan dapat melatih masyarakat untuk sentiasa mengingat tarikh Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ اخْتَمَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَفَنَّا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

PERHIMPUNAN, PERARAKAN SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD, 25 OGOS INI

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Dalam masa kurang seminggu sahaja lagi, masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam khasnya dan umat Islam di seluruh dunia amnya akan menyambut Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah. Sehubungan dengan itu, bagi memperingati kelahiran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Negara Brunei Darussalam akan turut menyambut Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah secara besar-besaran, dengan mengadakan Perhimpunan dan Perarakan serentak di keempat-empat daerah pada Selasa, 12 Rabiulawal 1448 Hijrah bersamaan 25 Ogos 2026 Masihi.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, tumpuan utama acara adalah di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, yang akan bermula pada pukul 7.00 pagi. Sementara itu, lokasi Perhimpunan dan Perarakan bagi daerah-daerah lain adalah seperti berikut: bagi Daerah Belait, acara akan diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait; manakala di Daerah Tutong, acara akan diadakan Kawasan Lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dan bagi Daerah Temburong, acara akan diadakan di Kawasan Letak Kereta Dewan

Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar. Tema bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah'.

Sebagai persediaan bagi memastikan kelancaran acara kemuncak Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah, Latihan Penuh (*Rehearsal*) bagi Daerah Brunei dan Muara akan diadakan pada Khamis, 20 Ogos 2026 bertujuan untuk memastikan segala persiapan, pergerakan dan penyelarasan antara pihak yang terlibat dapat dilaksanakan dengan teratur pada acara kemuncak nanti.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri serta Dewan Perusahaan dan Perniagaan Melayu Brunei. Sama - samalah kita memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Semoga dengan memperbanyakkan selawat, kita semua dikurniakan rahmat, keberkatan dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.



MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM PERINGKAT NEGARA TAHUN 1448 HIJRAH

Tema: Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam Suluh Aqidah

Selasa, 12 Rabiulawal 1448 bersamaan 25 Ogos 2026

7.00 Pagi

- Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan
- Kawasan Lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong
- Padang Bandaran, Kuala Belait, Daerah Belait
- Kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, Daerah Temburong

2382525 \ 2382301 \ 2382302 | WWW.MORA.GOV.BN | KHEU.BRUNEI

Pengisytiharan kawasan ruang udara terhad

■ Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Jabatan Penerbangan Awam (DCA) memaklumkan bahawa kawasan dalam lingkungan tiga batu nautika, bersamaan 5.56 kilometer radius dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, akan diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad pada 25 Ogos 2026.

Pengisytiharan berkenaan merupakan langkah tambahan bagi memastikan aspek sekuriti dan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa terpelihara.

Di bawah pengisytiharan berkenaan, semua pesawat termasuk dron atau pesawat udara kawalan jauh tidak dibenarkan beroperasi dalam ruang udara terbabit, kecuali setelah mendapat

keizinan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

Kegagalan mematuhi pengisytiharan tersebut dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam di bawah Seksyen 50, Perintah Penerbangan Awam, Bab 290.

Orang ramai yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam melalui talian +673 2330142 sambungan 1455 atau e-mel unmanned.aircraft@dca.gov.bn.

Jabatan Penerbangan Awam merakamkan penghargaan kepada orang ramai atas kerjasama dan pematuhan terhadap pengisytiharan berkenaan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperkasa Komuniti Melalui Perniagaan Berimpak Sosial'. Tarikh Tutup : 26 Ogos 2026
2. 'Membentuk Peribadi Mulia Berpandukan Sunnah Rasulullah'. Tarikh Tutup : 2 September 2026
3. 'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 9 September 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MEMPERINGATI PENGORBANAN RASULULLAH DALAM MENYEBARKAN SYIAR ISLAM



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mengetuai rombongan Dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Majlis Ihya Maulidur Rasul di Balai Ibadat Kampung Merangking.

Merangking, Daerah Belait.

Mengetuai rombongan, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Arman bin Haji Asmad.

Turut hadir, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU, Ahli Jawatankuasa Takmir Balai Ibadat Kampung Merangking, Daerah Belait, serta jemaah balai ibadat berkenaan.

Majlis diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait, KHEU, Awang Abdul Khaliq bin Kamree. Sejurus selepas itu, acara dikir pun dimulakan.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Akup bin Haji Lamat.

Majlis Dikir Maulud yang diadakan selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bertujuan untuk memperingati pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan syiar Islam, sekali gus menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Baginda.

Di samping menjadi salah satu usaha untuk memakmurkan masjid, majlis berkenaan juga menjadi wadah untuk mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid serta penduduk kampung di sekitarnya.

Rombongan KHEU seterusnya akan berkunjung ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong, pada Isnin, 11 Rabiulawal 1448 bersamaan dengan 24 Ogos 2026, yang akan diselenggarakan dengan Majlis Penutup Dikir 12 Malam Berturut-turut bagi masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448H / 2026M.

BELAIT, Khamis, 20 Ogos. - Antara kelebihan berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah memperoleh rahmat dan pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala, mendapat kebaikan serta diampunkan dosa.

Amalan memperbanyakkan selawat juga menjadi sebab doa seseorang diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, selain menjadi salah satu amalan yang dapat melepaskan seseorang daripada keresahan dan kesusahan pada Hari Kiamat. Sehubungan itu, lewat petang

tadi, bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, rombongan dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Ihya Maulidur Rasul yang diadakan di Balai Ibadat Kampung

Semarakkan kecintaan terhadap Rasulullah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Ogos. - Semangat memperingati kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus disemarakkan menerusi Majlis Maulidur Rasul EX-HBG 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang dianjurkan bersama oleh Kumpulan Bekas Penuntut

Asrama Maktab Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (EX-Hostel Boys Group). Majlis yang berlangsung di Rasa Ceria Cafe, Bangunan HAD, Telanai Avenue itu menjadi wadah bagi para bekas penuntut untuk mengeratkan kembali silaturahim, di samping memperkukuh kecintaan

terhadap Rasulullah serta menghayati ajaran dan sunnah Baginda.

Pengerusi majlis, Awang Haji Manaf bin Haji Nawi dalam ucapannya menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat, taufik dan hidayah-Nya, majlis berkenaan dapat diadakan dalam suasana penuh keberkatan.

Awang Haji Manaf turut mengalu-alukan kehadiran para jemputan serta merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan majlis berkenaan.

Menurutnya, Sambutan Maulidur Rasul bukan sekadar memperingati kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam malah menjadi kesempatan untuk mengenang perjuangan, pengorbanan dan sunnah Baginda sebagai pedoman dalam kehidupan seharian.

"Keperibadian Baginda yang penuh dengan sifat amanah,

sabar, penyayang dan pemaaf hendaklah kita jadikan teladan dalam kehidupan, sama ada dalam keluarga, masyarakat mahupun dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing," jelasnya.

Beliau seterusnya menyeru para hadirin agar memperbanyakkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad, di samping mengambil iktibar daripada sirah dan ajaran Baginda dengan menterjemahkan kecintaan kepada Rasulullah melalui amal ibadah, akhlak mulia, hubungan sesama manusia serta kepatuhan kepada ajaran Islam.

Majlis turut diserikan dengan ceramah khas bertajuk 'Keutamaan Bersedekah' yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Dalam ceramahnya, Awang Abdul Rahman antara lain menjelaskan bahawa amalan bersedekah tidak akan



CERAMAH khas disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

mengurangkan harta seseorang yang menghulurkannya, bahkan memperoleh ganjaran dan membawa keberkatan kepadanya.

Suasana majlis turut diimarahkan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, zikir dan selawat, selain persembahan nasyid yang menambahkan lagi kemeriahan sambutan.

Majlis berkenaan diharap terus menjadi wadah untuk menyemai rasa cinta kepada Rasulullah, memperkukuh ukhuwah sesama bekas penuntut serta mendorong masyarakat agar menghayati dan mengamalkan sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.

SEKITAR Majlis Maulidur Rasul EX-HBG 1448 Hijrah / 2026 Masihi anjuran bersama oleh Kumpulan Bekas Penuntut Asrama Maktab Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (EX-Hostel Boys Group).



194 REKRUT LELAKI TAMAT LATIHAN ASAS KETENTERAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

PENANJONG GARISON, Jumaat, 21 Ogos. - Seramai 194 Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-180 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berjaya menamatkan Latihan Asas Ketenteraan melalui Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah Angkatan Bersama, ABDB, Kolonel Pengiran Noor Rumaizi bin Pengiran Othman.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, pengarah - pengarah, pegawai - pegawai kanan, pegawai - pegawai dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan serta keluarga dan penjaga para rekrut yang diraikan.

Upacara dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh tetamu kehormat, diikuti dengan penyampaian ucapan rasmi.

Dalam ucapannya, tetamu kehormat merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seramai 194 Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-180 atas kejayaan menamatkan Latihan Asas Ketenteraan, di samping menzahirkan penghargaan kepada para jurulatih serta ibu bapa dan penjaga atas sokongan, dorongan dan komitmen berterusan sepanjang tempoh latihan tersebut.

Beliau menegaskan bahawa kejayaan para rekrut adalah hasil daripada kecekalan, disiplin,

ketahanan dan semangat juang yang telah dipupuk sepanjang kira-kira 14 minggu latihan.

Kolonel Pengiran Noor Rumaizi juga menekankan bahawa tamatnya Latihan Asas Ketenteraan hanyalah permulaan kepada kerjaya ketenteraan para rekrut, dengan latihan, cabaran dan tanggungjawab yang lebih besar menanti di hadapan.

Beliau menyeru para rekrut agar sentiasa menjunjung kesetiaan, integriti, disiplin dan profesionalisme serta menghayati nilai-nilai Melayu Islam Beraja, mengukuhkan ikatan persaudaraan, membina kepimpinan yang berwibawa dan melaksanakan amanah dengan penuh keberanian serta dedikasi.

Disiplin dan Integriti adalah asas dalam kerjaya tentera yang perlu sentiasa dipelihara, diasah, diperkukuh dan dipertahankan walau dalam apa jua keadaan dan di mana jua berada.

Dalam memperingati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun, tetamu kehormat turut menekankan kepentingan kepercayaan, kesetiaan dan perpaduan, serta menyeru para rekrut untuk menjadi pemimpin yang berwawasan dalam menyumbang kepada pemeliharaan kedaulatan, keamanan dan kesejahteraan negara.

Sebagai penghargaan terhadap

kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tempoh latihan, beberapa anugerah telah disampaikan dalam kategori masing-masing.

Bagi Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-180, Anugerah Rekrut Terbaik Keseluruhan diberikan kepada 56783 Rekrut Mohd. Fitri Aminuddin bin Asman, manakala Anugerah Kemahiran Tentera Terbaik disampaikan kepada 56889 Rekrut Abd. Khaliq bin Suhaidi.

Penerima Anugerah Senjata Ringan Terbaik pula diberikan kepada Rekrut 56965 Muhd. Amar Raziq bin Rosman, Tentera Laut Diraja Brunei. Seterusnya, Anugerah Latihan Jasmani Terbaik diberikan kepada 56821 Rekrut Muhd. Izran bin Izlin.

Selain itu, Anugerah Platoon Sarjan Terbaik diterima oleh 19006 Sarjan Shafwan bin Mohaimin, manakala Anugerah Ketua Seksyen Terbaik diberikan kepada 53382 Lans Koperal Md. Daniel Firdaus bin Abdullah Roddy Suhardy, sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan, profesionalisme dan komitmen cemerlang sepanjang latihan.

Upacara diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh 1464 Leftenan Mohammad Noor Ridzwan bin Ahad dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT). Perbarisan tersebut diketuai oleh 1553 Leftenan Mohammad Amir bin Haji Awang Sahari.

Upacara Perbarisan Tamat Latihan ini bukan sahaja menandakan kejayaan para rekrut menamatkan Latihan Asas Ketenteraan, malah melambangkan peralihan mereka



PEMERINTAH Angkatan Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa menyampaikan anugerah kepada penerima (atas) manakala gambar bawah, Pemerintah Angkatan Bersama, ABDB semasa memeriksa perbarisan.



menjadi anggota ABDB yang mempertahankan keamanan serta terlatih, berdisiplin dan bersedia kedaulatan Negara Brunei untuk memikul amanah dalam Darussalam.

Mengenal pasti kerangka, tindakan baharu di bawah BruMAP-NCDMH 2026-2035



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

GADONG, Rabu, 19 Ogos. - Negara Brunei Darussalam terus berdepan dengan beban faktor risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang sebahagian besarnya boleh dicegah.

Data kaji selidik kebangsaan sebelum ini menunjukkan kadar berat badan berlebihan dan obesiti yang tinggi, pemakanan tidak sihat, aktiviti fizikal yang tidak mencukupi, penggunaan tembakau, hipertensi serta faktor risiko kardio metabolik yang lain.

Pengambilan garam yang berlebihan dan pengambilan buah-buahan serta sayur-sayuran yang rendah juga merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian.

Cabaran-cabaran ini tidak dapat

ditangani melalui pendidikan kesihatan semata-mata, sebaliknya memerlukan pendekatan seluruh negara dan seluruh masyarakat.

Pilihan dan tingkah laku individu turut dipengaruhi oleh persekitaran tempat mereka tinggal, belajar, bekerja dan bersosial.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sedang membangunkan Pelan Tindakan Pelbagai Sektor Negara Brunei Darussalam bagi Pencegahan dan Pengawasan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit serta Promosi Kesihatan Mental dan Kesejahteraan 2026-2035 (BruMAP-NCDMH 2026-2035).

Pelan ini akan menjadi kerangka

kebangsaan bagi menyelaraskan tindakan dalam mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit, mempromosikan kesihatan mental dan kesejahteraan, serta meningkatkan tahap kesihatan, kefungsi dan kualiti hidup penduduk secara keseluruhannya.

BruMAP-NCDMH 2026-2035 dibangunkan berasaskan asas yang telah diwujudkan melalui BruMAP NCD 2021-2025, Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022-2025, serta dasar, program dan pelaburan kesihatan negara yang lain.

Negara Brunei Darussalam juga mempunyai beberapa kekuatan penting termasuk komitmen di peringkat tinggi terhadap kesihatan, sistem penjagaan kesihatan yang dibiayai kerajaan, perkhidmatan penjagaan kesihatan



SESI konsultasi tersebut telah disampaikan oleh Konsultan WHO, Yang Berbahagia Dato' Dr. Feisul Idzwan bin Dato Mustapha, dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari agensi kerajaan, sektor swasta serta pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan (atas dan atas kiri).

primer dan kepakaran yang telah mantap, program pencegahan dan saringan kebangsaan, platform digital, kaji selidik dan daftar kebangsaan, serta kepakaran profesional dan teknikal yang kukuh.

Objektif sesi konsultasi dalam negara ini adalah untuk mengenal pasti dan mencapai persetujuan mengenai kerangka serta tindakan baharu di bawah BruMAP-NCDMH 2026-2035 dengan bantuan pakar perunding dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sesi konsultasi yang disampaikan oleh Konsultan WHO, Yang Berbahagia Dato' Dr. Feisul Idzwan bin Dato Mustapha itu

dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada agensi kerajaan, sektor swasta serta pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan.

Melalui sesi konsultasi BruMAP-NCDMH 2026-2035 ini, usaha, pandangan dan cadangan daripada pelbagai agensi akan diselaras dengan keutamaan negara dalam pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit serta promosi kesihatan mental dan kesejahteraan dalam kalangan penduduk Negara Brunei Darussalam, di samping mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035, khususnya 'Matlamat Kualiti Kehidupan yang Tinggi'.



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal
Mahkamah-Mahkamah
Syariah 2005**

**Saman Gantian
Dalam Mahkamah Rendah
Syariah
Di Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :
BM / MRS / MAL-A / P012A /
0345 / 05-2026**

**Kes Induk :
BM / MRS / MAL-B / S010A /
0344 / 05-2026**

Antara

**Kristina @ Nur Ain Binti
Mastsiacob
- Plaintiff / Pemohon**

Dan

**Muhammad Azwan Bin Tudin
- Defendan / Responden**

**Kepada :
Muhammad Azwan Bin Tudin -
No. Kad Pintar : 00-272172
[Kuning], Beralamat (Alamat
Terakhir) : No. 64, Jalan
Takiding, STKRJ Kampong
Lugu, Mukim Sengkurong,
Negara Brunei Darussalam.**

Kamu adalah dengan ini di
saman supaya hadir secara
sendiri atau melalui Peguam
Syarie kamu di hadapan
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara pada
**Khamis, 21 Rabiulawal 1448H
bersamaan / 3 September
2026M pada jam 2.30 Petang
untuk menjawab tuntutan
terhadap kamu oleh plaintiff
yang dinamakan di atas, bagi
Mengubah / Membatalkan
Perintah Nafkah.**

Sila ambil perhatian bahawa
jika kamu ingkar hadir di
mahkamah pada hari dan masa
yang ditetapkan, Mahkamah boleh
meneruskan untuk mendengarkan
dan memutuskan kes tanpa
kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian
bahawa jika kamu ingin
membela diri terhadap tuntutan
tersebut, kamu hendaklah
memfailkan di Mahkamah ini
dan menyampaikan kepada
Plaintif suatu pembelaan
dalam Borang yang ditetapkan
sebelum tarikh yang disebut di
atas atau hadir di Mahkamah
pada tarikh itu.

**Bertarikh :
4 Muharam 1447H / 20 Jun
2026M**

**Meterai
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Makluman
Sebut Harga**

**DA / JKSH / 94 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji,
Mentauliah Serta Memulihara
Sistem Kawalan Keselamatan
Kamera Litar Tertutup (CCTV)
Dan Sistem Penggera
Keselamatan Bagi Sekolah
Rendah Pengiran Kesuma Negara
Bukit Beruang,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

**Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan**

**DA / JKSH / 95 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji, Mentauliah
Serta Memulihara Sistem Kawalan
Keselamatan Kamera Litar
Tertutup (CCTV) Dan Sistem
Penggera Keselamatan Bagi
Sekolah Rendah Rataie,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

**Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan**

**DA / JKSH / 96 / 2026 / 2027
[AKS-OGOS-2026]**

Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal,
Memasang, Menguji, Mentauliah
Serta Memulihara Sistem Kawalan
Keselamatan Kamera Litar
Tertutup (CCTV) Dan
Sistem Penggera Keselamatan
Bagi Sekolah Rendah Tumpuan
Telisai,
Kementerian Pendidikan,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

**Tempoh Perkhidmatan:
60 Bulan**

**Bayaran Yuran
Sebut Harga:
BND5.00**

**Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
5 September 2026
Jam 9.00 Pagi**

**Kategori:
Syarikat-Syarikat Yang Diterima
Adalah Syarikat-Syarikat Yang
Berdaftar
Di Bawah Kawalan Bahagian
Pelesenan Agensi Pengawal
Keselamatan (BPAPK),
Pasukan Polis Diraja Brunei.**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan dan
Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / LSAU /
MAB / TA / 01**

Perkhidmatan Penyewaan
Kapal Bagi Eksesais Hikmat
Bersatu VII (EKS HBVII)

**Yuran Tawaran :
BND 30.00
(Tidak dikembalikan).**

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
Selasa, 1 September 2026.

**Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
8 September 2026
Jam 2.00 Petang**



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Dan Tajuk
Tawaran:**

JPA / AME / 2026-2027 / 01
Rubber Deposit Removal to
Brunei International Airport
Runway
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh terakhir
mengambil dokumen
Sebut Harga:
Isnin
7 September 2026**

**Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa
8 September 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang**

**Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Tingkat 4, Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910,
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(86) JBS / ADM / QC / 2026
Membekalkan Dan Menghantar
Cat Padang Bola Sepak Bagi
Penambahan Stok Pusat Stor

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(87) JBS / ADM / QC / 2026
Kelengkapan Dan Peralatan Bagi
Kolam Renang Di Bawah Jabatan
Belia dan Sukan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(88) JBS / ADM / QC / 2026
Membekalkan Dan Menghantar
Ubat-Ubatan Dan Support Bagi
Pesakit Dan Atlet-Athlet Pusat
Perubatan Dan Penyelidikan
Sukan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(89) JBS / ADM / QC / 2026
Design, Supply and Installation of
Floodlighting System

Including Erection of Existing
Floodlight Poles at Menglait
Sports Complex

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(90) JBS / ADM / QC / 2026
Design, Supply and Installation of
Floodlighting System Including
Erection of Existing Floodlight
Poles at Berakas Sports Complex

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(91) JBS / ADM / QC / 2026
Dismantling and Transportation of
Existing GI Floodlight Poles at
Lawn Bowl Arena, HBNSC

**Yuran Tawaran:
BND5.00**

**Tarikh Tutup:
Khamis
3 September 2026**



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 046 / 2026**

**Tajuk:
Provision Of Manpower For
Project Section
Department Of Electical Services
For A Duration Of
Twenty Four (24) Months
(Retendered)**

**Tarikh Tutup:
Selasa
1 September 2026
Jam 2.00 Petang**

**Tender Fee:
BN100.00
(Tidak Dikembalikan)**

**Tempat Tutup :
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama,
Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tawaran Bagi
The Supply And Delivery Of
Meteorological Upper Wind
Observation Balloons (30g) To
Brunei Darussalam
Meteorological Department**

**Bilangan Tawaran:
JKBD / 2026 / SH-10**

**Tawaran Bagi
Two Years (24 Months) Term
Contract For Supply And
Delivery Of Hydrogen Gas To
Brunei Darussalam
Meteorological Department**

**Bilangan Tawaran:
JKBD / 2026 / SH-11**

**Tarikh Tutup:
Rabu,
2 September 2026**

**Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaa
Brunei Darussalam
Tingkat 1,
Aras Permukaan, Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampong Anggerek Desa,
Mukim Berakas
BB3713
Negara Brunei Darussalam.**





**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Tawaran:
JPH / 2105 / TAW / 413 /
2026 – 2027

Tajuk Tawaran:
Membekal Satu (1) Unit Kereta
Pacuan Empat Roda (4WD)
Double Cab Vehicle Bagi
Kegunaan Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):**
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 September 2026,
2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
JPH / 2106 / SH / 2508 /
2026-2027

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Install New Split
Air-Conditioning And Repair
Works In Building No. 62B, 63 And
64 At The Forestry Department
Jalan Perayaan Bandar Seri
Begawan Negara Brunei
Darussalam

Syarat Penyertaan:
Sijil-Sijil Pendaftaran Dari
Kementerian Pembangunan Di
Dalam Kelas II Dan III Ke Atas
Dan Kategori Kerja KA01 –
Kerja-Kerja Am Kejuruteraan
Awam Atau M01 - Sistem Hawa
Dingin Atau E01- Pemasangan
Pendawaian Berdaftar Dengan
Jabatan Perhutanan

**Tempat Akhir
Membeli Dokumen:**
Khamis 27 Ogos 2026,
jam 4.00 Petang

Tarikh Taklimat:
Sabtu 29 Ogos 2026,
jam 9.00 Pagi

Tarikh Tutup:
Khamis, 3 September 2026,
jam 2.00 Petang

Yuran Sebut Harga:
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00



**Maintenance For Microscope
And Absorbance Microplate
Reader & Washer In Veterinary
Laboratory Services**

JPt / SH / 64 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Pemasangan Papan
Tanda Baru Bagi Bangunan
Pejabat-Pejabat Dan
Stesen-Stesen Di Bawah
Kawalan Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan

JPt / SH / 65 / 2026 - 2027
Penganalisaan Keselamatan
Produk (Mikrobiologi Dan
Kimia) Bagi Keperluan
Pasaran Eksport



JPH / 003 / SH / 2578 / 2026-2027
Membekalkan Kayu Bagi
Taman-Taman Rekreasi Hutan
Dan Taman Negara Ulu
Temburong, Jabatan Perhutanan

JPH / 003 / SH / 2582 / 2026-2027
Membekalkan Peralatan,
Kelengkapan Dan Alat Ganti
Mesin Bagi Bahagian Ameniti Dan
Perkhidmatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika Belum Berdaftar):**
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
[Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli
Dokumen:**
Khamis
3 September 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis
10 September 2026



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
TERMINAL / 2026 – 2027 /
SH – 08

Tajuk Tawaran:
The Provision Of Six (6) Months
'Flight Information Display System'
Maintenance And Support
Services Contract For
Terminal Building At
Brunei International Airport

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut harga:**
Selasa, 25 Ogos 2026

Tarikh Tutup Sebut harga:
Rabu, 26 Ogos 2026
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(tidak dikembalikan)



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
21 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027)
– R

Disposal Of Chemical Wastes
Including Collection
And Transportation Services
From Conservation Section,
Museum Department

Tarikh Tutup:
Selasa, 3 September 2026,
jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0039 / 2026
Replace, Supply And Install
Outboard Motor And
Related Accessories
For Boat Cabin No.1 BG0404,
Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Khamis, 3 September 2026
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM**

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
UBD / RFP / 004 / 2026
Request For Proposal
- To Manage, Maintain And
Operate Universiti Brunei
Darussalam Sports Complex

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
15 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

JPt / TAW / 11 / 2026-2027:
Pemeliharaan Saliran
Ladang Bagi Kawasan
Kemajuan Pertanian
Di Daerah Temburong Bagi
Tempoh Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND30.00 |
Borang Tawaran BND15.00)

**Tidak lewat
dari jam 2.00 Petang
pada Selasa,
15 September 2026.**



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Pemberitahuan
Sebut Harga**

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam
Peti Sebut Harga dan
dialamatkan kepada
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat
dari jam 2.00 Petang
pada Khamis,
17 September 2026.**

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 61 / 2026 - 2027
Membekal Racun Serangga
Perosak Bahan Aktif: Lufenuron
5% Sebanyak 720 Botol
(500ML / Botol)
Bagi Kegunaan
Pengusaha-Pengusaha
Tanaman Padi

JPt / SH / 62 / 2026 - 2027
To Perform Preventive
Maintenance On One (1) Unit Of
Existing LC-MS/MS Under Drug
Residue Laboratory

JPt / SH / 63 / 2026 - 2027
To Perform Service Preventive



**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 07 / 2026 -
2027

Keterangan:
Mencetak, Membekal Dan
Menghantar Buku Tujuh Dekad
Pendidikan Ugama Islam, Di
Negara Brunei Darussalam:
Evolusi, Transformasi Dan Legasi
Sempena 70 Tahun Pendidikan
Ugama Formal Di Negara Brunei
Darussalam

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 13 Rabiulawal 1448H / 26
Ogos 2026M
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Kelas:
V

Kategori:
M01
(With Successfully Completed 6
O&M Projects In Central Air
Conditioning System Above
BND50,000.00)

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 25 / 2026

Nama Projek:
Pembekalan Dan Pemasangan
Unit Penyaman Udara
Jenis 'Split-Unit' Dan
'Mudah Alih' (Portable)
Sementara Bagi Majlis-Majlis
Istiadat Dan
Acara Rasmi
Negara Brunei Darussalam
Di Pelbagai Lokasi Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun (2026)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 26 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Sistem Hawa Dingin Di
Pusat Kesihatan Berakas



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 046 / 2026

Tajuk:
Provision Of Manpower Services
For Project Section Department Of
Electrical
Services For A
Duration Of Twenty Four (24)
Months (Retendered)

Tarikh Tutup:
1 September 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Tender Fee:
BN100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Manpower agencies registered
with Brunei Labour Department
or ROCBN or Consultant
companies registered
BAPEQ

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut bolehlah
diperoleh di Tingkat 4,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
di Unit Tawaran dan
Sebut Harga, Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV atau V atau VI

Kategori:
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 27 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Dobi Yang Rosak
Dengan Kerja-Kerja Berkaitan
Untuk Kediaman VIP Assarra,
Istana Edinburgh,
Istana Darul Taqwa Dan
Kawasan Berkaitan

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 036 / 2026

Tajuk:
General Cleaning And Grass
Cutting Of 66KV Substations,
Open Yard Stores And Transitions
Statewide Over A
Period of 36 Months

Tarikh Tutup:
1 September 2026
(Selasa, Jam 2.00 Petang)

Tender Fee:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup :
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
atau 5 dan mempunyai
Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan yang lanjut bolehlah
diperoleh dari Bahagian Kaunter
Unit Tawaran dan
Sebut Harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.



**Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen
Tawaran Pada :**
Selasa
26 Ogos 2026
Tidak Lewat dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa
8 September 2026
Tidak Lewat dari Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.
3. **Lengkapkan Profil PSQR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pengiktirafan / sijil / sijil kelulusan)
5. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (PSQR) yang berkenaan
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selaras" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. **Lengkapkan Maklumat** (Jurnal / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam skim iklan)

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	IMAM TINGKAT V JABATAN AGAMA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN D.2-3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2026/AUG/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	29 OGOS 2026
2.	PENGARAH JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2026/AUG/02/KEPI	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	7(A)	31 OGOS 2026
3.	PENOLONG PENGARAH KESIHATAN (ALAM SEKITAR) JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN KESIHATAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I)	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	31 OGOS 2026

PERATURAN 7(A) BERGAJI HARI:

Dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEGAWAI PENDIDIKAN JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN PG.3 (BAHAGIAN II) 2026/AUG/01/KPDK	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	7(A) GAJI HARI	29 OGOS 2026

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH MELALUI:

- BAHAGIAN : SUB UNIT PEMILIHAN DAN PENGAMBILAN TENAGA
ALAMAT : KAUNTER 5, PUSAT PERKHIDMATAN SETEMPAT, BLOCK C, BANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN.
EMEL : jpp@moes.gov.bn
NO. TELEFON : 2381133 EXT 1300

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**



HARI TERBUKA MENGUKUHKAN RANTAIAN NILAI PENGELUARAN PERTANIAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) mengadakan Hari Terbuka selama dua hari bermula hari ini sehingga 20 Ogos 2026, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu, Kampung Parit. Hari Terbuka kali ini merupakan tahun keempat diadakan, dan ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengusaha terhadap perkhidmatan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta produk dan teknologi daripada vendor yang mengambil bahagian.

Selain memperkukuh hubungan antara jabatan dan pengusaha, acara berkenaan turut memberi peluang kepada para peladang, petani, dan penternak untuk mendapatkan perkhidmatan konsultasi serta nasihat daripada unit-unit di bawah Jabatan

Pertanian dan Agrimakanan seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu lazim yang dihadapi.

Sepanjang program berkenaan, pelbagai aktiviti interaktif dijalankan termasuk tunjuk cara pembiakan tanaman, penggunaan baja organik, penjagaan kesihatan ternakan dan biosekuriti ladang.

Kesemua aktiviti dirancang khusus untuk memberi manfaat kepada para pengusaha serta orang awam yang berminat dalam bidang pertanian dan agrimakanan. Bagi memfokuskan pembangunan sektor, para pengunjung juga berpeluang untuk mengadakan perjumpaan dua hala bersama vendor-vendor yang turut serta dalam acara Hari Terbuka berkenaan, di samping mendapatkan maklumat, perkongsian ilmu dan produk-produk yang bermanfaat dan relevan dalam sektor pertanian dan agrimakanan.

Seramai 20 vendor tempatan menyertai Hari Terbuka berkenaan bagi mempamerkan pelbagai produk, teknologi dan perkhidmatan, di samping menyampaikan seminar dan perkongsian maklumat yang sangat bermanfaat kepada para



HARI Terbuka tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengusaha terhadap perkhidmatan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta produk dan teknologi daripada vendor yang mengambil bahagian (atas dan kiri).

pengunjung.

Inisiatif berkenaan merupakan salah satu bentuk sokongan kepada usaha kerajaan dalam memperkasa sektor pertanian dan agrimakanan negara.

Melalui Hari Terbuka berkenaan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berharap agar para pengusaha dan orang ramai akan dapat terus memperoleh maklumat

yang lebih menyeluruh mengenai perkhidmatan jabatan.

Inisiatif berkenaan juga diharap dapat menyumbang ke arah pengukuhan rantai nilai pengeluaran pertanian, khususnya dalam industri pertanian dan agrimakanan, selaras dengan usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian negara.

Menggalakkan pelajar mencapai kecemerlangan akademik

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Ogos. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) telah mengadakan Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries yang kedua, sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik cemerlang 15 pelajar dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam (SMPIHM), Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Chung Hua Middle School

Kuala Belait dan Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTEM).

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk menggalakkan para pelajar mencapai kecemerlangan akademik serta memberi inspirasi kepada mereka untuk meneroka peluang kerjaya pada masa hadapan dalam industri petrokimia.

Majlis Penyampaian Anugerah dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dan taklimat keselamatan, diikuti dengan



SEKITAR Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries yang kedua, sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik cemerlang 15 pelajar dari beberapa buah sekolah (atas kiri), manakala gambar atas, ketika sesi bergambar ramai pada majlis tersebut, dan gambar bawah kiri, antara pelajar yang menerima anugerah.

ucapan alu-aluan oleh Ketua Jabatan Sumber Manusia, Zhou Fu Zhen.

Dalam ucapannya, Zhou Fu Zhen mengucapkan tahniah kepada para penerima anugerah atas pencapaian mereka, sambil menekankan bahawa Anugerah Kecemerlangan Akademik 2026 merupakan tahun kedua berturut-turut inisiatif berkenaan dianjurkan oleh Hengyi.

Beliau turut menekankan kepentingan pendidikan dalam membentuk generasi bakat masa hadapan yang akan menyumbang kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selepas ucapan alu-aluan, para tetamu menyaksikan tayangan video yang mengetengahkan operasi Hengyi serta sumbangannya terhadap pembangunan sosioekonomi NBD. Video berkenaan turut memaparkan Program Biasiswa dan Kerjasama Bersama Hengyi, yang mengetengahkan laluan pendidikan dan peluang yang tersedia kepada para pelajar yang

berminat untuk menceburi kerjaya dalam industri petrokimia.

Kemuncak acara ialah penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries kepada 15 pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCE 'O' Level dan GCE 'A' Level.

Penyampaian anugerah kepada penerima GCE 'O' Level, disempurnakan oleh Zhou Fu Zhen; manakala Pengarah Sumber Manusia Hengyi, Alan Goh pula menyampaikan anugerah kepada penerima GCE 'A' Level.

Setiap penerima menerima sijil kecemerlangan serta wang tunai sebanyak BND300 sebagai penghargaan atas pencapaian mereka.

Acara kemudiannya diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan lawatan berpandu ke tapak Hengyi, yang memberikan para peserta gambaran lebih dekat mengenai operasi sebuah kompleks petrokimia moden serta pemahaman yang lebih mendalam

tentang pelbagai laluan kerjaya yang tersedia dalam industri berkenaan.

Ditubuhkan pada Mei 2025, Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries merupakan satu inisiatif di bawah Hengyi Future-Ready, iaitu teras utama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat yang memberi tumpuan kepada sokongan terhadap pendidikan, pembangunan bakat dan persediaan tenaga kerja masa hadapan di NBD.

Anugerah berkenaan turut mencerminkan visi Hengyi, iaitu 'Excellence in Developing Petrochemicals through Pursuing Innovation and Business Sustainability'.

Melalui pembangunan generasi bakat tempatan pada masa hadapan, Hengyi berhasrat membina barisan tenaga profesional berkemahiran yang mampu menyumbang idea-idea inovatif serta kepakaran teknikal bagi terus memperkukuh industri petrokimia NBD.



MEMPERKASA, MENINGKATKAN KEUPAYAAN PERNIAGAAN TEMPATAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.



KAMPUNG LAMBAK KANAN, Khamis, 20 Ogos. - Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. telah menganjurkan Bengkel Pembungkusan Produk Makanan di Dapur Pusat Royal Brunei Culinary (RBC), kawasan Perindustrian Kampung Lambak Kanan, baru-baru ini.

Sesi praktikal tersebut menghimpunkan sembilan usahawan 1 Kampung 1 Produk (1K1P), sekali gus memberi mereka peluang untuk meningkatkan pemahaman mengenai pembungkusan makanan, keselamatan produk serta strategi pembungkusan yang berkesan bagi perniagaan mereka.

Bengkel ini merangkumi asas - asas pembungkusan

makanan, termasuk bagaimana bahan dan bentuk pembungkusan yang berbeza boleh mempengaruhi perlindungan serta jangka hayat produk makanan.

Para usahawan turut diberikan panduan dalam memilih pembungkusan yang sesuai berdasarkan ciri-ciri produk mereka, dengan mengambil kira faktor seperti fungsi, perlindungan produk dan kesesuaian dengan pasaran sasaran.

Para peserta juga terlibat dalam aktiviti praktikal bagi mengaplikasikan konsep yang dibincangkan sepanjang sesi serta menerima maklum balas mengenai idea pembungkusan mereka.

Sesi ini juga menggalakkan para usahawan untuk mempertimbangkan bagaimana



PESERTA Bengkel Pembungkusan Produk Makanan ketika bergambar ramai di Royal Brunei Culinary (atas) manakala gambar kiri, sekitar bengkel tersebut.

pembungkusan yang sesuai dapat menyokong kualiti produk dan juga persembahan produk di pasaran.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen Ghanim dalam menyokong usahawan 1K1P dalam industri makanan di Negara Brunei Darussalam. Ia selaras dengan Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, yang bertujuan memperkasa dan meningkatkan keupayaan perniagaan tempatan melalui perkongsian ilmu, pembangunan kapasiti serta

peluang untuk meluaskan pasaran. Untuk maklumat lanjut, ikuti

bruneihalalfoods di media sosial @bruneihalal atau layari www.bruneihalal.com.

Sebuah syarikat dikenakan kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Khamis, 20 Ogos. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Raihan Berjaya Contractor telah melakukan kesalahan di Kawasan blok Gerai Telisai Tutong, dikompaun di bawah Bab 12 (1) (a) sebanyak BND1,000 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000.

Bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat pemaju dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



SYARIKAT tersebut telah melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) sebanyak BND1,000 dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Taklimat ketengahkan peranan kakitangan barisan hadapan



TAKLIMAT memberi penekanan kepada peranan kakitangan barisan hadapan sebagai barisan pertama dalam mengenal pasti petunjuk awal mangsa penipuan, termasuk tingkah laku pelanggan yang mencurigakan, transaksi luar kebiasaan serta alasan yang tidak munasabah bagi mengelakkan kerugian kewangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Ogos. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah mengendalikan Sesi Taklimat Kesedaran Jenayah Siber Ke-10 kepada kakitangan barisan hadapan BIBD.

Seramai 70 kakitangan menghadiri taklimat bertajuk 'Trend Jenayah Siber Terkini dan

Cara Mengenal Pasti Mangsa' yang disampaikan oleh Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad di Executive Lounge, Ibu Pejabat Bank BIBD.

Taklimat memberi penekanan kepada peranan kakitangan barisan hadapan sebagai barisan pertama dalam mengenal pasti petunjuk awal mangsa penipuan, termasuk tingkah laku pelanggan yang mencurigakan, transaksi luar kebiasaan serta alasan yang tidak munasabah bagi

mengelakkan kerugian kewangan.

Penganjuran sesi ini mencerminkan komitmen berterusan PPDB melalui BSJS bersama BIBD dalam memperkukuh kerjasama membanteras jenayah siber serta meningkatkan kesedaran orang ramai.

Orang awam yang mengesyaki sebarang aktiviti penipuan atau menjadi mangsa jenayah siber disarankan untuk segera menghubungi Talian Bantu Anti-Penipuan 16993.

BLOK BAHARU SEKOLAH AL-FALAAH BAN 5 DIRASMIKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

KILANAS, Khamis, 20 Ogos. - Sekolah Al-Falaah Ban 5, Kilanas, kini dilengkapi dengan blok baharu yang menyediakan pelbagai kemudahan bagi menyokong suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis perasmian blok baharu tersebut ialah Penolong Pengarah Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Hamidah binti Haji Daud.

Turut hadir, Pengasas dan Penasihat Sekolah Al-Falaah,

Sayyid Hamid Al-Taher Al-Husainiy dan Pengetua Sekolah Al-Falaah, Dayang Hajah Shariffah Mastura Alsagoff serta para jemputan dan warga sekolah.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dayang Hajah Shariffah Mastura antara lain menjelaskan bahawa pembinaan blok baharu berkenaan bukanlah sebahagian daripada perancangan asal sekolah, namun adalah dari susulan kejadian kebakaran yang meranapkan sebuah blok sekolah pada Mac 2025.

Beliau turut menekankan

bahawa setiap perancangan dan cabaran yang dihadapi merupakan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala, namun usaha berterusan, kesabaran dan sikap tidak berputus asa perlu menjadi pegangan dalam menghadapi setiap rintangan.

"Blok baharu ini bukan sekadar bangunan fizikal, tetapi simbol harapan dan pelaburan kita terhadap masa depan anak-anak," ujar beliau.

Dengan adanya kemudahan baharu itu, pihak sekolah berharap proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dalam suasana yang lebih selesa, kondusif dan mampu memberikan inspirasi kepada para pelajar serta tenaga pengajar.

Pada kesempatan tersebut, beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan projek berkenaan, termasuk Jabatan Pendidikan Swasta, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, para arkitek, konsultan, kontraktor serta warga pentadbiran sekolah.

Penghargaan khas turut disampaikan kepada Jabatan Pengajian Islam kerana membenarkan pihak sekolah menggunakan lima buah bilik darjah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Ummi Kalthum Al-Islam sepanjang tempoh yang diperlukan.

Beliau juga menyampaikan



PENOLONG Pengarah Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Dayang Hamidah binti Haji Daud ketika meninjau blok baharu sekolah berkenaan.

setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga, masa, buah fikiran dan doa bagi memastikan projek berkenaan dapat direalisasikan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Selawat yang dikepalai oleh Awang Muamar bin Abdul Amin dan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Abdallah Hassi, tenaga-tenaga pengajar Sekolah berkenaan, diikuti sesi menandatangani bingkai kenangan sempena perasmian pembukaan blok baharu oleh tetamu khas.

Acara seterusnya disusuli dengan lawatan tetamu khas ke

blok baharu bagi menyaksikan sendiri kemudahan yang disediakan. Blok baharu berkenaan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan kira-kira dua ekar yang turut menempatkan blok lama dan kawasan letak kereta.

Antara kemudahan yang disediakan ialah pejabat pentadbiran, bilik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), bilik kecemasan (*first aid*), musolla, tandas, bilik darjah, perpustakaan dan stor. Sekolah Al-Falaah Ban 5 kini mempunyai seramai 427 pelajar bagi sesi pagi dan petang serta 31 orang kakitangan.



SEKOLAH Al-Falaah Ban 5, Kilanas, kini dilengkapi dengan blok baharu yang menyediakan pelbagai kemudahan bagi menyokong suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih selesa dan kondusif.

Wadah pertukaran pengalaman penyiaran berita lama dengan generasi baharu

Berita dan Foto : Ihsan Hajah Jaayah Dato Kerna Haji Jaya, Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Peralihan penonton dan pendengar kepada platform digital seperti media sosial dan *online streaming* perlu diberi perhatian sebagai faktor penambahbaikan kualiti berita Radio Televisyen Brunei (RTB).

Perkara berkenaan antara yang digariskan oleh Dato Paduka Awang Haji Alidin bin Haji Othman, mantan Pengarah RTB pada Majlis Silaturahmi Para Penyiar dan Mantan Penyiar / Pembaca Berita, sempena enam dekad siaran berita RTB yang berlangsung baru-baru ini di salah sebuah hotel di Jerudong.

Jelasnya lagi, perkhidmatan berita amat penting dalam mana - mana perkhidmatan penyiaran, menjadikan Bahagian Berita sebagai bahagian yang signifikan dan sensitif sebagai penyalur maklumat dan penerangan di dalam mahupun luar negara yang terkini, tepat dan betul.

Ilham mengadakan Majlis silaturahmi berkenaan adalah cetusan idea dari Dato Paduka Awang Haji Alidin sendiri yang merupakan orang Brunei pertama dilantik sebagai Chief News Editor (CNE) pada 1 Mac 1979 selain merupakan mantan pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei.

Sementara itu Awang Haji Abdul Shamad bin Haji Ali, mantan Pemangku Ketua Berita dan Hal Ehwal Semasa RTB selaku Pengerusi Majlis, dalam ucapan

alu-aluannya antara lain mengimbas kembali tahun-tahun awal penerbitan berita.

Menurutnya lagi, meskipun perkhidmatan siaran televisyen Brunei dilancarkan secara rasmi pada 9 Julai 1975, namun siaran Berita Radio sudah didengar lebih awal, iaitu di sekitar awal 60-an selepas siaran radio dimulakan pada 2 Mei 1957.

Tambahnya lagi, khidmat penerbit dan juruhebah-juruhebah radio telah digunakan sebagai Pembaca Berita sambilan. Sehingga pada 1984 ketika negara mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat, nama dan jawatan Pembaca Berita diubah menjadi Penyiar Berita sehinggalah ke hari ini. Dalam tempoh berkenaan, selain berita dalam bahasa Melayu dan Inggeris, terdapat juga berita radio dalam bahasa Mandarin, Iban dan Dusun.

Awang Haji Abdul Shamad seterusnya berkata, ramai dalam kalangan Penyiar Berita sambilan telah dilibatkan dalam penyampaian berita-berita radio dan televisyen seperti Berita Perdana, News At 10, Berita Antarabangsa, Berita ASEAN, Berita Sukan, Berita Ekonomi, tajuk-tajuk berita dan Ringkasan Berita. Ramai juga yang telah terlibat dalam beberapa program radio dan televisyen sama ada sebagai suara latar, penyampai dan juruulas.

Berita radio sampai sekarang tambahannya lagi, masih menggunakan *single reader*,



SEKITAR Majlis Silaturahmi Para Penyiar dan Mantan Penyiar / Pembaca Berita, sempena enam dekad siaran berita RTB yang berlangsung baru-baru ini di salah sebuah hotel di Jerudong.

berbanding dengan berita televisyen selain *dual presenters*, siaran berita televisyen juga pernah menggunakan sehingga empat penyiar dalam satu-satu siaran, dua penyiar berita utama, seorang penyiar sukan dan seorang lagi penyiar ramalan cuaca. Dan terkini siaran berita televisyen sudah menghadirkan penyiar yang menggunakan bahasa isyarat.

Mengakhiri ucapan, Awang Haji Abdul Shamad turut merakamkan penghargaan kepada mantan Ketua-ketua Berita dan Hal Ehwal Semasa serta pegawai-pegawai kanan serta semua yang pernah terlibat bekerja keras menjadikan siaran berita radio dan televisyen begitu signifikan dalam

pembangunan negara khususnya menjadi jentera penggerak dalam memastikan semua maklumat dan dasar kerajaan dapat disalurkan dan disebarkan untuk dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis berkenaan, mantan Ketua-ketua Berita dan Hal Ehwal Semasa yang pernah berkhidmat di RTB.

Antara lain tujuan majlis berkenaan diadakan adalah untuk mengumpulkan para mantan Penyiar / Pembaca Berita dengan para Penyiar Berita yang masih berkhidmat ketika ini dalam suasana muhibah, selepas RTB berhasil menyiarkan siaran beritanya lebih enam dekad lalu.

Majlis Silaturahmi seumpama

berkenaan juga diharap menjadi titik permulaan wadah pertukaran pengalaman di antara orang lama penyiaran berita dengan generasi baharu atau *frontliners* siaran berita dewasa ini.

Selain berita Melayu, Inggeris dan Mandarin, siaran Berita Radio juga pernah menyiarkan berita-berita berbahasa Dusun dan Iban yang disiarkan selepas Berita Melayu pukul 8.00 malam di Perkhidmatan Bahagian Melayu Radio Brunei.

Antara barisan mantan pembaca berita Dusun ialah Ismail Opak, Yubi Gadong dan Yubi Orang Kaya Lukan, manakala mantan pembaca berita Iban ialah Nelson Janting dan Maikal Gawan.



Membentuk insan bertakwa, membina ummah mulia

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

ANAK merupakan kurnia dan nikmat yang diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dijaga dan dipelihara dengan baik dan penuh kasih sayang. Sesungguhnya anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah ibarat kain putih yang suci bersih, maka ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorak dan mendidik mereka dengan didikan yang baik dan sempurna.

Justeru, jika anak-anak itu dicorak dan dididik dengan baik, maka baiklah jadinya dan jika sebaliknya, maka akan rosak binasalah mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : *"Dari Al-Aswad bin Surayy bahawasanya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Setiap anak yang dilahirkan adalah suci maka kedua ibu bapalah yang mencorakkannya sama ada menjadi seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi".* (Riwayat Al-Imam At-Tabarani).

Oleh itu, ke arah melahirkan anak yang baik sama ada dari segi fizikal atau mental setentunya memerlukan asas yang baik dan sempurna salah satu caranya melalui penerapan pendidikan Islam dalam kehidupan sehari-hari.

Program Pewaris Khatamul Anbiya

Sehubungan itu, dengan matlamat murni untuk memupuk golongan kanak-kanak dan remaja supaya mengenali, mencintai dan menghayati sirah serta Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian, Nadi Quranic Learning Centre Tutong dengan sokongan Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Tutong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Program 'Pewaris Khatamul Anbiya: Membentuk Insan Bertakwa, Membina Ummah Mulia' bertempat di Pusat Belia Tutong pada 15 Ogos lalu.

Program yang dianjurkan bersempena Sambutan Maulidur Rasuul seawal 8.00 pagi hingga 3.00 petang itu disambut baik oleh lebih 25 orang terdiri daripada golongan kanak-kanak dan remaja lingkungan usia 7 hingga 15 tahun.

Dalam pertemuan bersama Pelita Brunei, Penyelaras Program Pewaris Khatamul Anbiyya, Dayang Nur Syifa Afiah binti Haji Arsat yang juga selaku Guru Al-Quran Nadi Quranic Learning Centre Tutong antaranya menjelaskan, 'Pewaris Khatamul Anbiya' membawa maksud generasi yang meneruskan warisan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam khususnya dalam aspek ilmu, sunnah, adab dan akhlak Baginda.

"Walaupun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah pesuruh Allah Subhanahu Wata'ala yang terakhir dan penutup para nabi bagi umat manusia, kita sebagai umat

Baginda mempunyai tanggungjawab untuk menjaga, menghayati dan mengamalkan ajaran serta sunnah yang telah Baginda tinggalkan. Akhlak dan kepimpinan Baginda menjadi contoh terunggul serta panduan hidup yang sempurna dalam membina masyarakat yang harmoni dan beriman," ujarnya.

Dayang Nur Syifa Afiah turut menambah melalui program ini, mereka bukan sahaja didedahkan kepada kisah dan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetapi juga digalakkan untuk mencontohi akhlak Baginda, membentuk peribadi yang baik serta mengamalkan sikap hormat-menghormati dan kasih sayang sesama insan.

"Diharapkan melalui usaha ini, kita dapat melahirkan generasi yang bertakwa, berakhlak mulia dan mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang seterusnya menjadi asas kepada pembentukan ummah yang kuat, bersatu dan mulia.

"Ini juga bertepatan dengan slogan program kami iaitu 'Membentuk Insan Bertakwa, Membina Ummah Mulia' yang menggambarkan matlamat program ini dalam membentuk generasi yang dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala, mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, berpegang teguh kepada ajaran Islam serta mempunyai akhlak yang mulia," jelas beliau.

Melentur buluh biarlah daripada rebung

Melentur buluh biarlah daripada rebung menjadi falsafah penting dalam pendidikan Islam termasuk mewujudkan rasa cinta dan kasih kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sejak di usia kecil lagi. Usaha menanam, menyemai dan menyuburkan perasaan itu juga perlu dilakukan dengan kaedah yang lebih interaktif.

Mengulas lanjut mengenai mengapa menumpukan golongan kanak-kanak dan remaja dalam program berkenaan, Dayang Nur Syifa Afiah mengutarakan golongan ini merupakan sasaran utama program kerana pada peringkat usia tersebut, mereka sedang melalui fasa penting dalam pembentukan peribadi, akhlak dan amalan yang baik dalam kehidupan.

"Oleh itu, melalui program ini, kami berharap dapat menerapkan nilai-nilai Islam, kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta membimbing mereka untuk menjadikan Sunnah dan akhlak Baginda sebagai contoh dalam kehidupan seharian," tambahnya.

Seramai 10 ahli Nadi Quranic Learning Centre Tutong terdiri daripada guru-guru Al-Quran dan kakitangan telah menjayakan program ini di bawah pimpinan dua orang penyelaras program iaitu Dayang Nur Syifa Afiah dan juga Awang Ahmad Bazli bin Muhammad Bahrin.

Pelbagai aktiviti penyeri program

Bagi memastikan pengisian program lebih menarik dan berkesan, Dayang Nur Syifa Afiah mengongsikan sebanyak enam aktiviti utama telah disediakan yang bukan sahaja menyeronokkan, malah sarat dengan nilai pendidikan, penghayatan sirah, sunnah dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Pendekatan yang lebih interaktif dan santai digunakan bagi membolehkan para peserta mempelajari dan menghayati ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan cara yang sesuai dengan peringkat usia mereka.

Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah The Pewaris Trail, iaitu aktiviti berbentuk Amazing Race yang menggabungkan empat buah checkpoint iaitu Archery Skills, Whisper Challenge, Sirah Puzzle dan Prophetic Memory. Dalam Archery Skills, peserta diperkenalkan kepada aktiviti memanah sebagai salah satu kemahiran yang mempunyai nilai dalam Sunnah, di samping melatih fokus, disiplin, kesabaran dan ketekunan. Seterusnya, Whisper Challenge menguji keupayaan peserta dalam berkomunikasi serta menyampaikan sesuatu mesej dengan tepat. Aktiviti ini turut menerapkan nilai amanah dan tabligh dalam menyampaikan sesuatu maklumat.

"Bagi Sirah Puzzle pula, peserta perlu mencantumkan gambar-gambar berkaitan peristiwa dalam sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Aktiviti ini bertujuan menguji pengetahuan peserta mengenai sirah Baginda, di samping menggalakkan mereka mengambil ibrah dan pengajaran daripada perjalanan dakwah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Manakala Prophetic Memory merupakan aktiviti cabaran minda yang melatih daya ingatan, pemerhatian dan fokus peserta sambil memperkenalkan kisah ringkas para nabi. Aktiviti ini diharapkan dapat membantu peserta mengingat, memahami dan menghayati kisah serta teladan para nabi, khususnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh ikutan bagi seorang Pewaris Khatamul Anbiya," hurainya.

Tambah Dayang Nur Syifa Afiah, selain itu, The Great Tale of Wisdom turut dimuatkan dalam pengisian program berkenaan yang mana ia merupakan sesi penceritaan interaktif yang mengetengahkan kisah-kisah teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sesi ini turut disusuli dengan kuiz yang dikendalikan oleh guru bertugas bagi menguji kefahaman dan penghayatan peserta terhadap kisah yang disampaikan.

"Program ini turut diserikan dengan Video Challenge, iaitu cabaran kepada peserta untuk menghasilkan video atau sketsa pendek yang bertemakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antara pengisian yang boleh diketengahkan antaranya

menerusi alunan nasyid dan selawat serta perkongsian fakta mengenai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Aktiviti ini memberi ruang kepada peserta untuk menzahirkan kreativiti sambil menyampaikan mesej yang berkaitan dengan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Salah satu aktiviti yang dimuatkan ialah aktiviti Tahaddu Tahabbu, yang membawa maksud saling memberi hadiah, nescaya kamu akan saling mencintai, pula dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menerapkan nilai persaudaraan, perkongsian dan saling menghargai dalam kalangan peserta," kongsiya lagi.

Terus semai nilai keislaman dalam kehidupan

Melalui pelaksanaan program berkenaan, Dayang Nur Syifa Afiah turut meluahkan jiwa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan menyaksikan perkembangan positif dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang semakin menunjukkan minat untuk menyertai aktiviti-aktiviti berunsurkan keagamaan. Perkembangan ini amat menggembirakan, khususnya apabila mereka menunjukkan kesungguhan untuk mendalami ilmu agama melalui pendekatan yang lebih menarik, santai dan bersesuaian dengan usia serta minat mereka.

"Pada pandangan kami, adalah penting untuk terus menyediakan ruang dan peluang kepada golongan muda untuk mempelajari dan menghayati ilmu agama dalam suasana yang menyeronokkan dan interaktif. Pendekatan sebegini bukan sahaja dapat menarik minat mereka, malah membantu menjadikan pembelajaran agama sebagai sesuatu yang dekat dan bermakna dalam kehidupan seharian. Kami berharap perkembangan positif ini akan terus berkembang dan dapat melahirkan lebih ramai generasi yang celik agama, berilmu, berakhlak mulia serta mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam," ujar beliau.

Sebelum mengakhiri kata-kata, Dayang Nur Syifa Afiah juga menaruh harapan kepada para peserta bagi mewakili semua yang terlibat menjayakan program berkenaan agar segala ilmu, pengajaran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang program ini tidak terhenti setakat program sahaja, tetapi dapat dibawa pulang dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

"Yang paling utama, semua peserta dapat terus istiqamah mengamalkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping semakin mengenali, mencintai dan merindui Baginda serta menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai suri teladan dan ikutan dalam kehidupan," ucapnyanya tulus.

OPERASI USAI KESAN 6 KESALAHAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan



OPERASI tersebut dilaksanakan bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan telah menjalankan Operasi Usai 189/2026 di kawasan Kampung Lambak pada 10 Ogos 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan bengkel membaiki kereta telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja tempatan dan asing iaitu Bab 39(2) Majikan gagal membayar kerja

lebih masa, Bab 44 Membuat pemotongan gaji yang bertentangan dengan Akta Pekerjaan, Penggal 278, Bab 64 Bekerja pada hari kelepasan awam, Bab 65 Pekerja bekerja melebihi jam yang ditetapkan, Bab 70 Majikan gagal memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan dan Bab 112(2) Melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing iaitu pekerja asing tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan buruh am melakukan pekerjaan sebagai pemandu. Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh

dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti majikan hendaklah membayar gaji kerja lebih masa jika pekerja bekerja melebihi 8 jam sehari atau bekerja melebihi 44 jam dalam seminggu, majikan hendaklah membuat pemotongan gaji yang selaras dengan kehendak undang-undang, jika pekerja bekerja pada hari kelepasan awam, majikan hendaklah membayar ganda atau mengganti cuti pada hari lain, pekerja-pekerja tidak boleh bekerja melebihi 8 jam sehari dan tidak boleh melebihi 12 jam sehari bagi pekerja syif serta tidak dibenarkan bekerja lebih masa melebihi dari 72 jam dalam sebulan, majikan hendaklah memberikan cuti hari kelepasan awam yang diwartakan dan memberikan pekerjaan kepada pekerja-pekerja di bawah jaminan selaras dengan jawatan yang dibenarkan oleh Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan.

Untuk makluman lebih lanjut, orang ramai bolehlah berhubung dengan Jabatan Tenaga Manusia dan Pekerjaan di talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Sebuah syarikat didenda kompaun BND2,000

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Brunei dan Muara



SEBUAH syarikat telah dikenakan denda kompaun setelah didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggal 30).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) melalui Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan menerima aduan mengenai pembuangan sampah di kawasan tanah Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sibongkok, Batong.

Hasil daripada siasatan berkenaan telah mendapati sebuah syarikat melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30).

Syarikat berkenaan ialah Nooreen Contractor dengan tawaran denda kompaun pada 17 Ogos 2026 berjumlah BND2,000 kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (f) (ii).

Syarikat berkenaan telah diarahkan untuk menjelaskan denda kompaun dalam masa tujuh hari. Jika gagal, kes akan dibawa ke mahkamah di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggal 30), iaitu sabit kesalahan boleh membawa hukuman tidak melebihi BND30,000 bagi syarikat atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pihak JDBM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyalurkan maklumat dengan penuh tanggungjawab.

Selain itu pihak JDBM juga ingin memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pembuangan sampah yang menyalahi undang-undang dengan menyertakan alamat lokasi berserta gambar-gambar melalui pesanan WhatsApp +673 8321581.



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @Sweetbyme.bn

DUNIA kulineri sentiasa berkembang seiring dengan perubahan cita rasa masyarakat dan kemunculan pelbagai trend baharu di media sosial. Sejak kebelakangan ini, London Cake menjadi di antara pencuci mulut yang semakin mendapat perhatian, khususnya dalam kalangan penggemar manisan.

London Cake tersebut bukan sahaja menarik perhatian melalui hiasan dan reka bentuknya yang menyelerakan malah gabungan coklat dan karamel yang kaya menjadikannya pilihan yang semakin mendapat tempat.

London Cake ialah kek coklat karamel yang menampilkan gabungan *chocolate fudge* dan *caramel fudge* yang berkrum. Kek coklat yang lembut dan lembap dipadukan dengan rasa coklat yang kaya serta karamel yang manis dan berkrum, sekali gus menghasilkan cita rasa mewah.

Menurut Dayang Nurul Husna binti Haji Ibrahim, pengusaha kek yang menjual London Cake berkata tarikan utama kek berkenaan terletak pada persembahannya, terutama apabila kek dipotong.

"Pada pandangan saya, London Cake menjadi tular di media sosial kerana persembahannya yang sangat menarik dan menyelerakan. Tarikan utamanya dapat dilihat apabila kek dipotong, di mana setiap lapisan kek, *chocolate fudge* dan *caramel fudge* kelihatan jelas dan menarik.

"Visual lapisan demi lapisan inilah yang membuatkan orang tertarik untuk melihat,

berkongsi dan akhirnya ingin mencubanya sendiri," jelasnya.

Trend London Cake semakin meluas apabila gambar dan video mengenainya dikongsikan di pelbagai platform media sosial. Paparan tersebut lazimnya memperlihatkan tekstur kek yang lembut, lapisan karamel serta salutan coklat yang menarik, sekali gus membangkitkan selera dan rasa ingin tahu pengguna.

Menurut Dayang Nurul Husna, sambutan terhadap London Cake mula menunjukkan peningkatan ketara selepas diperkenalkan kepada pelanggan.

"Saya mula menjual London Cake sekitar bulan Julai, namun sambutan mula meningkat dan menarik perhatian ramai bermula Ogos. Sejak itu, semakin ramai pelanggan mencuba, berkongsi dan memberikan maklum balas yang positif terhadap kek ini," ujamnya.

Pengaruh media sosial turut menjadi antara faktor utama yang mendorong orang ramai untuk mencuba kek berkenaan. Perkongsian pengguna mengenai sesuatu makanan secara tidak langsung dapat menimbulkan rasa ingin tahu, terutama apabila produk berkenaan sedang menjadi trend.

"Pada pendapat saya, London Cake merupakan antara kek coklat yang tidak terlalu manis, jadi ia lebih mudah dinikmati tanpa rasa cepat muak. Mungkin keseimbangan rasa dan tekstur inilah yang membuatkan pelanggan tertarik untuk menikmatinya lagi,"

"Trend ini memang sangat mempengaruhi

jualan kami. Pada masa ini, permintaan terhadap London Cake sangat tinggi sehingga kami terpaksa mengehadkan pengeluaran beberapa jenis kek lain dan memberikan lebih fokus kepada penghasilan London Cake bagi memenuhi permintaan pelanggan," jelasnya.

Malah, sambutan yang diterima begitu menggalakkan sehingga pengeluaran yang dibuat masih belum mencukupi untuk memenuhi permintaan pelanggan.

Apabila ditanya mengenai keistimewaan London Cake berbanding kek tular yang lain, Dayang Nurul Husna melihat penggunaan *fudge* sebagai antara kekuatan utama kek berkenaan.

"Bagi saya, keistimewaan London Cake berbanding kek *viral* yang lain terletak pada *fudge*-nya. Walaupun menggunakan karamel, rasanya tidak terlalu manis kerana *caramel fudge* mempunyai rasa yang lebih seimbang," katanya.

Perkembangan London Cake membuktikan bahawa media sosial bukan sahaja menjadi wadah untuk berkongsi kandungan, malah berupaya mempengaruhi cita rasa dan corak pembelian masyarakat.

Video pendek yang memaparkan proses memotong kek, lapisan di dalamnya serta teksturnya mampu menarik perhatian pengguna dalam tempoh yang singkat.

London Cake bukan sekadar pencuci mulut untuk dinikmati, malah turut menjadi kandungan yang menarik untuk dikongsikan. Keunikan



persembahan, gabungan rasa serta pengaruh media sosial menjadikan kek berkenaan semakin dikenali dan dicari.

Walaupun trend makanan di media sosial lazimnya berubah mengikut masa, London Cake memperlihatkan bahawa sesuatu produk mampu mengekalkan perhatian apabila mempunyai keistimewaan tersendiri dari segi rasa, tekstur dan persembahan.

London Cake : Manisan 'viral' yang mencuri perhatian

VK SAMAN APPLE, TUNTUT APLIKASI DIKEMBALIKAN KE APP STORE



MOSCOW, 21 Ogos. - Rangkaian sosial Persekutuan Rusia, VK, pada Jumaat memfailkan saman terhadap Apple di Mahkamah Timbang Tara Moscow dengan

menuntut aplikasi syarikat itu dikembalikan ke App Store, lapor Sputnik/RIA Novosti. Menurut dokumen mahkamah, VK LLC memfailkan tuntutan

terhadap Apple Inc. yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), Apple Rus LLC di Persekutuan Rusia serta Apple Distribution International Ltd. yang

berpangkalan di Ireland.

Bagaimanapun, perkara dan asas tuntutan itu belum didedahkan dalam dokumen berkenaan.

"Dalam saman itu, VK menuntut Apple mengembalikan aplikasi syarikat ke App Store, memulihkan keupayaan pengguna untuk menerima pemberitahuan daripada

aplikasi berkenaan serta membayar penalti sekiranya keputusan mahkamah tidak dipatuhi," menurut syarikat itu.

VK mendakwa Apple mengalihkan aplikasinya daripada App Store secara sepihak tanpa sebarang notis. - ©BERNAMA

Jumlah titik panas di Kalimantan meningkat lebih 50 peratus

JAKARTA, 21 Ogos. - Jumlah titik panas yang dikesan di Kalimantan Barat, Kalimantan Tengah dan Kalimantan Selatan meningkat lebih 50 peratus dalam tempoh sehari kepada 518, susulan peningkatan kejadian kebakaran hutan dan tanah.

Kementerian Kehutanan Indonesia memaklumkan Kalimantan Barat merekodkan jumlah tertinggi iaitu 259 titik panas, diikuti Kalimantan Tengah 242 dan

Kalimantan Selatan 17.

Angka terbaharu yang direkodkan setakat 7 pagi waktu tempatan pada Khamis meningkat daripada 336 sehari sebelumnya, apabila Kalimantan Tengah mencatatkan 188 titik panas, Kalimantan Barat 117 dan Kalimantan Selatan 31.

Kementerian itu berkata walaupun data agensi cuaca negara menunjukkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di

kebanyakan kawasan di Indonesia kekal pada tahap baik (hijau) dan sederhana (biru), titik merah kini dikesan di Kalimantan Tengah.

"Keadaan itu menunjukkan kualiti udara sangat tidak sihat, manakala kawasan sekitar di Kalimantan Barat dan Kalimantan Selatan masih dikategorikan dalam zon kuning atau tidak sihat," menurut kementerian itu dalam hantaran terbaharu di media sosial. - ©BERNAMA

8 maut dalam kebakaran premis perniagaan di utara China

SHIJIAZHUANG, 20 Ogos. - Lapan orang maut manakala tiga lagi cedera dalam kebakaran di sebuah premis perniagaan tingkat bawah di Wilayah Hebei, utara China pada awal Khamis, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Kerajaan daerah memaklumkan

kebakaran berlaku kira-kira 3.40 pagi di premis berkenaan di daerah Haigang, bandar Qinhuangdao.

Anggota bomba, polis, petugas pengurusan kecemasan dan petugas perubatan segera tiba di lokasi untuk menjalankan operasi menyelamatkan dan kebakaran

berjaya dipadamkan pada 4.30 pagi.

Tiga mangsa yang cedera dihantar ke hospital untuk menerima rawatan dan berada dalam keadaan stabil. Siasatan lanjut mengenai kebakaran itu sedang dijalankan. - ©BERNAMA

Angka korban gempa bumi di Colombia meningkat kepada 314

BOGOTA (COLOMBIA), 20 Ogos. - Angka korban akibat gempa bumi dahsyat bermagnitud 7.4 yang melanda barat Colombia meningkat kepada 314 orang, menurut laporan Unit Kebangsaan Pengurusan Risiko Bencana (UNGRD) yang dikeluarkan pada Rabu, lapor Anadolu Ajansi.

Agensi itu mengesahkan pasukan kecemasan masih mencari 262 individu yang hilang. Jumlah mangsa yang cedera meningkat kepada 4,437 orang, manakala 364 lagi berjaya diselamatkan dari bawah runtuhan.

Secara keseluruhan, seramai 262,154 orang secara rasmi didaftarkan sebagai terjejas di 471 kawasan perbandaran dalam 15 daripada 32 wilayah di Colombia.

Gempa bumi yang berlaku pada 7.34 pagi waktu tempatan (1234 GMT) pada 10 Ogos itu merupakan peristiwa seismospaling kuat melanda Colombia pada abad ini.

Kemusnahan fizikal terhadap infrastruktur awam dan swasta menyebabkan rangkaian kesihatan dan pengangkutan di wilayah terjejas lumpuh teruk. Menurut angka terkini UNGRD,

sekurang-kurangnya 30,664 rumah musnah sepenuhnya, 136,946 lagi mengalami kerosakan struktur dan 302 bangunan runtuh, terutamanya di Cali dan Pereira.

Kerosakan struktur turut direkodkan di 3,470 sekolah, 4,971 pusat komuniti dan 352 pusat penjagaan kesihatan, dengan beberapa daripadanya terpaksa memindahkan pesakit. Kerosakan turut melibatkan 449 jalan raya, 58 jambatan kenderaan, 13 jambatan pejalan kaki, 105 sistem akuaduk perbandaran dan lima lapangan terbang serantau. - ©BERNAMA

Republik Indonesia rampas kapal bawa 2.6 tan cecair disyaki methamphetamine

JAKARTA, 19 Ogos. - Pihak berkuasa Republik Indonesia merampas kira-kira 2.6 tan cecair yang disyaki methamphetamine selepas memintas sebuah kapal berdaftar di Tanzania di perairan wilayah Riau dan menahan 10 kru warga Republik Kesatuan Myanmar.

Badan Narkotika Nasional (BNN) Indonesia memaklumkan bahan yang disyaki itu disimpan di dalam lapan tong dram berkapasiti 200 liter dan sebuah tangki air berkapasiti 1,000 liter di atas MV Ocean Porter, yang dipintas pasukan penguat kuasa gabungan kira-kira 6 petang waktu tempatan pada 17 Ogos lepas di perairan Tanjung Parit, Bengkalis.

"Pemeriksaan lanjut terhadap bahan itu sedang dijalankan," menurut agensi berkenaan menerusi video yang dimuat naik di akaun media sosialnya.

Operasi membabitkan BNN, Direktorat Am Kastam dan Eksais serta Polis Wilayah Kepulauan Riau itu dilancarkan hasil maklumat risikan bahawa dadah akan dibawa dari Sarawak, Malaysia, ke perairan Republik Indonesia.

"Kapal itu berdaftar di Tanzania dan kesemua 10 kru di atasnya adalah warga Republik Kesatuan Myanmar. Mereka telah ditahan untuk siasatan lanjut," menurut BNN.

Kapal itu kemudian ditunda ke pangkalan Kastam dan Eksais di

Karimun, sebelum pemeriksaan menggunakan anjing penghidu serta peralatan pengesan dadah menemukan cecair yang disyaki methamphetamine itu.

BNN memaklumkan siasatan turut mendapati identiti kapal berkenaan dipercayai telah ditukar daripada MV Rain Maker kepada MV Ocean Porter sebagai sebahagian daripada modus operandi rangkaian penyeludupan dadah itu.

Agensi itu memaklumkan kira-kira 1.57 juta batang rokok haram dari Republik Rakyat China yang tidak mempunyai setem eksais Indonesia turut ditemukan di dalam sebuah kontena sepanjang 40 kaki. - ©BERNAMA

Gempa bumi 5.9 magnitud landa Flores, Indonesia

HONG KONG, 20 Ogos. - Gempa bumi bermagnitud 5.9 menggagalkan kawasan Pulau Flores, Indonesia pada 0247 GMT Khamis, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa pada kedalaman 10 kilometer itu pada awalnya dikenal pasti terletak di latitud 8.40 darjah selatan dan longitud 120.68 darjah timur. - ©BERNAMA

23 maut dalam kemalangan babitkan bas mini, lori di selatan Brazil

RIO DE JANEIRO, 20 Ogos. - Seramai 23 orang maut selepas sebuah bas mini yang membawa pesakit terbabit dalam kemalangan dengan sebuah lori dilebuh raya persekutuan di negeri Parana pada awal Rabu, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

"Dapatan awal menunjukkan lori itu mungkin memasuki lorongbertentangan sebelum berlanggar secara berdepan dengan bas mini berkenaan," menurut portal berita G1 yang memetik Polis Lebuhraya Persekutuan Brazil.

Punca sebenar kejadian masih dalam siasatan.

Menurut pihak berkuasa, nahas itu berlaku berhampiran Ipiranga di kawasan Campos Gerais, mengorbankan 13 wanita, lapan lelaki dan dua kanak-kanak, termasuk pemandu lori.

Seramai lima lagi individu cedera dan dibawa ke hospital, menurut Sekretariat Keselamatan Awam Negeri Parana.

Bas mini itu dilaporkan milik perkhidmatan kesihatan dan sedang membawa pesakit ke hospital di kawasan metropolitan Curitiba, kira-kira 200 kilometer dari lokasi berkenaan.

Lokasi nahas ditutup sepenuhnya selama beberapa jam.

Kerajaan Negeri Parana mengisytiharkan tempoh berkabung selama tiga hari. - ©BERNAMA

Wabak Ebola di DR Congo masih jauh daripada terkawal - WHO

KINSHASA, 19 Ogos. - Wabak Ebola di Republik Demokratik Congo (DRC) masih jauh daripada terkawal dengan 5,021 kes disahkan dan 2,378 kematian direkodkan setakat 16 Ogos, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lapor Xinhua.

Menurut laporan terbaharu Pejabat Serantau WHO bagi Afrika yang dikeluarkan pada Selasa, kes berkenaan dikesan di 55 zon kesihatan merangkumi enam wilayah, dengan kadar kematian kes sebanyak 47.4 peratus.

Ketua Pengarah WHO Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata wabak itu telah mendahului usaha tindak balas dengan ketara, sekali gus meningkatkan risiko penularan lanjut di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata demikian pada sesi pembukaan mesyuarat jawatankuasa kecemasan WHO yang diadakan bagi menilai wabak itu, dan diisytiharkan sebagai kecemasan kesihatan awam yang menjadi kebimbangan antarabangsa pada 17 Mei.

Ketika ini, belum ada vaksin atau rawatan yang diluluskan bagi virus berkenaan.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC) pada Isnin memberi amaran bahawa wabak itu boleh menjadi epidemik Ebola paling membawa maut pernah direkodkan di dunia sekiranya trajektorinya tidak segera diubah.

"Ketika ini, wabak itu meragut kira-kira satu nyawa setiap 30 minit.

"Sekiranya trajektorinya tidak segera diubah, wabak itu berisiko menjadi wabak Ebola paling membawa maut pernah direkodkan di dunia," menurut Africa CDC. - ©BERNAMA



Pembangunan bola sepak bermula dari akar umbi



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Brazilian Football Academy

USAHA memperkasakan pembangunan bola sepak perlu bermula dari akar umbi sebagai landasan melahirkan lebih ramai pemain berbakat pada masa hadapan. Melalui program latihan, kejohanan dan akademi yang memberi tumpuan kepada golongan kanak-kanak serta remaja, bakat baharu dapat dikenal pasti dan digilap sejak usia muda. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuhkan pembangunan sukan bola sepak negara, malah menyemai budaya hidup aktif dan semangat kesukanan dalam kalangan generasi muda.

Pendedahan awal kepada bola sepak memberi peluang kepada kanak-kanak mengenali asas permainan sejak usia muda. Pada peringkat ini, mereka bukan sahaja mempelajari teknik asas seperti mengawal bola, membuat hantaran, menjaringkan gol dan memahami taktikal permainan, malah turut dididik mengenai nilai disiplin, kerjasama, semangat kesukanan, kepimpinan dan sikap saling menghormati. Nilai-nilai inilah yang membentuk sahsiah pemain sekali gus menjadikan mereka individu yang lebih berdaya saing di dalam dan luar padang.

Selain melahirkan pemain berbakat, pembangunan akar umbi turut membantu membentuk budaya sukan yang sihat dalam kalangan masyarakat. Penglibatan aktif kanak-kanak dan remaja dalam aktiviti bola sepak dapat menggalakkan gaya hidup aktif, mengurangkan kebergantungan kepada *gadget* serta mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat. Pada masa yang sama, penyertaan ibu bapa dan komuniti dalam menyokong program-program pembangunan bola sepak mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan dan memperkukuhkan semangat bermasyarakat secara amnya.

Di Negara Brunei Darussalam

(NBD), terdapat beberapa akademi bola sepak yang ditubuhkan untuk membangunkan bola sepak dari akar umbi. Salah satunya adalah Brazilian Football Academy (BFA). Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Pengasas Bersama BFA iaitu Eduardo Peixoto yang juga merupakan Ketua Jurulatih BFA.

Beliau berasal dari Brazil dan telah meminati bola sepak sejak kecil lagi. Bola sepak telah membentuk kehidupan beliau, bukan sahaja sebagai seorang pemain dan jurulatih, tetapi juga sebagai seorang insan, beliau berasa amat bertuah kerana dapat membina kerjaya dalam bidang yang paling beliau suka iaitu bermain, mengajar dan berkongsi nilai-nilai murni bola sepak dengan orang lain.

Bersama isteri beliau, yang juga merupakan seorang jurulatih bola sepak, mereka menubuhkan BFA dengan visi yang jauh lebih besar daripada sekadar membuka sebuah akademi bola sepak. Mereka mahu membina sebuah tempat di mana setiap orang berasa diterima dan mempunyai peluang untuk berkembang tanpa mengira latar belakang keluarga, bangsa, keadaan kewarganegaraan atau jantina kewangan mereka. Di BFA, 'More Than a Team, A Familia' adalah identitinya.

"Sebagai Ketua Jurulatih, saya bertanggungjawab menyelia falsafah kejurulatihan akademi serta laluan pembangunan pemain dari peringkat akar umbi hingga ke tahap elit. Setiap program yang kami jalankan bukan sahaja bertujuan melahirkan pemain bola sepak yang lebih baik, malah individu yang lebih berkualiti. Kami percaya bola sepak mampu membentuk disiplin, rasa hormat, ketahanan mental, semangat berpasukan, kepimpinan dan keyakinan diri - nilai-nilai yang kekal sepanjang hayat," tambah beliau.

Ditubuhkan pada tahun 2019

dan memulakan sesi latihan pertama pada 31 Januari 2020, BFA komited menyediakan pembangunan bola sepak yang berkualiti, tersusun dan inklusif berteraskan falsafah bola sepak Brazil yang menekankan aspek teknikal, kreativiti, taktikal serta pembangunan pemain secara menyeluruh.

Kini, BFA beroperasi setiap hari dan menawarkan pelbagai program kepada kanak-kanak, remaja, orang dewasa serta veteran. Sehingga kini, lebih 1,100 pemain telah menyertai program-programnya, termasuk latihan mingguan, kem bola sepak, Football Lab, Program Elit, pembangunan penjaga gol, latihan individu dan penyertaan dalam kejohanan tempatan serta antarabangsa.

Selain melahirkan pemain yang cemerlang, BFA turut memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dengan menerapkan nilai keyakinan, kepimpinan, disiplin, rasa hormat, ketahanan diri dan kecintaan terhadap bola sepak sepanjang hayat.

BFA menasaskan kategori umur lima tahun sehingga dewasa, termasuk program khas untuk pemain dewasa dan veteran. Laluan pembangunan pemain muda akademi ini bermula daripada Kategori Bawah 6 Tahun, diikuti Bawah 8, Bawah 10, Bawah 12, Bawah 14, Bawah 16, dan seterusnya Program Elit.

Apabila pemain semakin meningkat usia, pendekatan latihan turut berkembang mengikut tahap umur, kemampuan dan perkembangan masing-masing.

Berbeza dengan kebanyakan akademi lain, komitmen BFA terhadap bola sepak tidak berakhir selepas peringkat remaja. Akademi ini turut menawarkan program untuk orang dewasa dan veteran kerana mereka percaya bola sepak ialah sukan sepanjang hayat yang mampu menyatukan masyarakat dan menggalakkan gaya hidup sihat.

Menurut Eduardo Peixoto, BFA menawarkan pelbagai program termasuk latihan Pembangunan dan Elit, pembangunan penjaga gol, latihan individu, bola sepak dewasa dan veteran, kem bola sepak, Football Lab, perlawanan persahabatan, liga dalaman, kejohanan serta penyertaan dalam pertandingan tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, BFA turut menganjurkan liga dan kejohanan sendiri bagi memberi lebih banyak pengalaman perlawanan kepada pemain serta mengukuhkan komuniti bola sepak tempatan.

Akademi ini juga aktif dalam program kemasyarakatan melalui latihan bola sepak percuma di Daerah Tutong, di samping melaksanakan inisiatif seperti Anugerah Pemain Terbaik Bulanan, Hari Keluarga dan BFA NextGen Leadership Programme yang memberi tumpuan kepada pembangunan kepimpinan serta melahirkan jurulatih dan pemimpin bola sepak masa hadapan.

Dalam konteks pendekatan latihan di BFA, akademi ini percaya kepada pembangunan pemain secara jangka panjang, bukan kejayaan jangka pendek dan akademi ini tidak hanya membuat persiapan beberapa minggu sebelum kejohanan, sebaliknya membangunkan pemain secara konsisten sepanjang tahun.

Sementara itu, Program latihan BFA disusun mengikut umur dan tahap perkembangan pemain, bermula daripada Bawah 6 Tahun sehingga program Dewasa dan Veteran.

Program Bawah 6 Tahun memberi tumpuan kepada pergerakan asas, koordinasi, penguasaan bola, keyakinan diri serta keseronokan bermain bola sepak. Bagi pemain Bawah 8 hingga Bawah 16 Tahun, mereka boleh menyertai sama ada Program Pembangunan atau Program Elit bergantung kepada tahap kemampuan, komitmen dan perkembangan individu.

Apabila pemain meningkat usia, latihan menjadi lebih mencabar dengan penekanan kepada aspek teknikal, taktikal, membuat keputusan, pembangunan fizikal, kerjasama berpasukan dan persediaan perlawanan.

Objektif akademi ini bukan untuk mempercepatkan perkembangan pemain, tetapi memastikan setiap pemain berkembang mengikut kadar yang sesuai sehingga mencapai potensi sepenuhnya.

Selain pembangunan teknikal dan taktikal, BFA turut memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dengan menerapkan nilai disiplin, rasa hormat, keyakinan, kepimpinan, tanggungjawab, semangat berpasukan dan kesukanan dalam kalangan

pemain.

Sejak memulakan latihan pada tahun 2020, antara pencapaian terbesar akademi ini ialah kejayaan pasukan Bawah 15 Tahun Elit menjuarai Liga Kebangsaan 2025 tanpa sebarang kekalahan, hasil pembangunan yang konsisten dan semangat berpasukan.

Menurut Eduardo Peixoto, BFA juga menerima sambutan yang amat positif daripada ibu bapa, pemain, sekolah dan rakan strategik. Sokongan tersebut menjadi pemangkin kepada akademi untuk terus meningkatkan mutu program serta mengekalkan persekitaran yang positif, mesra dan inklusif, sehingga BFA dianggap sebagai sebuah keluarga kedua oleh ramai ahlinya.

Dalam tempoh lima tahun akan datang, Eduardo Peixoto berhasrat menjadikan BFA sebagai antara akademi pembangunan bola sepak terkemuka di NBD dan rantau ini melalui pelaburan berterusan dalam pembangunan jurulatih, laluan pembangunan pemain, program latihan serta peluang pertandingan di peringkat tempatan dan antarabangsa. BFA juga akan memperluaskan program biasiswa, projek komuniti, Football Lab dan BFA NextGen.

Beliau turut menyatakan hasrat untuk memperkukuhkan kerjasama dengan kelab dan akademi luar negara menerusi kejohanan, perlawanan persahabatan, kem latihan, pendidikan jurulatih, program pertukaran pemain dan perkongsian ilmu. Menurutnya, pendedahan antarabangsa penting dalam meningkatkan pengalaman serta pembangunan pemain dan jurulatih.

Beliau juga optimis terhadap masa depan bola sepak remaja di NBD dan percaya pembangunan yang mampan memerlukan pelaburan berterusan dalam pendidikan jurulatih, pembangunan akar umbi, pertandingan berkualiti serta kerjasama erat antara akademi, sekolah, kelab dan organisasi bola sepak.

Ibu bapa yang berminat mendaftarkan anak-anak mereka di BFA boleh mengunjungi pejabat BFA di Peak Club Grandstand, menghubungi menerusi talian +673 811 4235, atau mengikuti Instagram @BFA_BN.

PASUKAN SEPAK TAKRAW NEGARA PAMER AKSI CEMERLANG

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Ihsan Urus Setia kontinjen
Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia XXII 2026

SELANGOR, MALAYSIA, Khamis, 20 Ogos. - Dalam acara sepak takraw pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 yang berlangsung baru-baru ini telah menyaksikan pasukan sepak takraw Negara Brunei Darussalam (NBD) mempamerkan aksi cemerlang

apabila berjaya menewaskan pasukan Perak dengan keputusan 2 - 0. Acara yang diwakili oleh pasukan NBD dalam Kategori Regu Lelaki berkenaan berlangsung di Arena MBSJ Puchong. Perlawanan yang berlangsung

pada jam 2.00 petang berkenaan menyaksikan persaingan sengit pada set pertama. Pasukan NBD bagaimanapun berjaya mengatasi Perak dengan keputusan 17 - 16. Memasuki set kedua, pasukan NBD terus memperkemas permainan dan menguasai perlawanan untuk mencatat kemenangan lebih selesa dengan keputusan 15 - 5, sekali gus mengesahkan kemenangan 2-0.



PASUKAN sepak takraw negara mempamerkan aksi cemerlang, sekali gus berjaya menewaskan pihak lawan dengan keputusan 2 - 0.

Atlet lawan pedang negara meneruskan saingan

SELANGOR, MALAYSIA, Khamis, 20 Ogos. - Atlet lawan pedang Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Dayang Nabila Fa'izah Muhd. Hisyam, meneruskan perjuangan dalam acara Kategori Epee Wanita Individu yang berlangsung di Dewan Pusat Sukan UiTM, Shah Alam baru-baru ini. Pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026

berkenaan, Dayang Nabila Fa'izah turun beraksi dalam peringkat awal Kumpulan 1 dengan menghadapi lima perlawanan menentang wakil dari Penang, Perak, Negeri Sembilan, Sabah dan Johor. Dalam perlawanan pertama, Nabila Fa'izah tewas kepada wakil dari Penang dengan keputusan 1 - 5. Beliau kemudiannya bangkit dalam perlawanan kedua dengan

mencatat kemenangan ke atas wakil dari Perak, juga dengan keputusan 5 - 1. Dalam aksi seterusnya, wakil negara berdepan wakil dari Negeri Sembilan dan terpaksa akur dengan keputusan 1 - 5. Dayang Nabila

Fa'izah kemudian memberikan saingan sengit kepada wakil dari Sabah, namun tewas tipis 4 - 5. Dalam perlawanan terakhir, Dayang Nabila Fa'izah sekali lagi menunjukkan semangat juang yang tinggi ketika menentang wakil dari

Johor sebelum tewas dengan keputusan 4 - 5. Secara keseluruhannya, Dayang Nabila Fa'izah merekodkan satu kemenangan daripada lima perlawanan dalam peringkat kumpulan berkenaan.



ATLET lawan pedang Negara Brunei Darussalam, Dayang Nabila Fa'izah Muhd. Hisyam menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam perlawanan-perlawanan yang dihadapinya dalam acara Kategori Epee Wanita Individu.

Atlet Pencak Silat negara raih pingat gangsa



ATLET-atlet Pencak Silat Negara Brunei Darussalam telah berjaya meraih pingat gangsa bagi kedua-dua acara Kelas 'G' Lelaki dan Kelas 'B' Wanita.

SELANGOR, MALAYSIA, Rabu, 19 Ogos. - Atlet Pencak Silat Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan lagi cabaran pada pusingan separuh akhir bagi Kelas 'G' Lelaki baru-baru ini pada

temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII 2026 yang berlangsung di Dewan Seri Sarjana, UNITEN. Dalam perlawanan sebelah pagi berkenaan, Awang Mohammad Matin Adrian Awang Roy dari

kontinjen NBD berdepan Nik Muhammad Haiqal bin Nik Ameran dari Terengganu. Dalam perlawanan berkenaan, atlet negara tewas kepada atlet Terengganu secara disqualifikasi. Manakala pada sebelah petang pula, Dayang Nur Asyifa Shabeqah

Masli mewakili kontinjen NBD menentang Noor Waladina Mohd. Rasidi dari Wilayah Persekutuan bagi Kelas 'B' Wanita. Perlawanan berkenaan menyaksikan kemenangan berpihak kepada Wilayah Persekutuan dengan kiraan mata

52 - 32. Walau bagaimanapun, pencapaian berkenaan telah menghasilkan kontinjen NBD dengan meraih pingat gangsa bersama bagi kedua-dua acara Kelas 'G' Lelaki dan Kelas 'B' Wanita.

Indera SC mantapkan pasukan di Batam City

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Ogos. - Kelab Sukan Indera (Indera SC) bertekad untuk mempamerkan kemantapan tersendiri apabila berdepan Batam Premier FC dari Republik Indonesia pada perlawanan separuh akhir Kejohanan Bola Sepak Jemputan Batam Premier FC. Kejohanan bertaraf antarabangsa yang menggunakan format FIFA Series itu turut menyaksikan penyertaan pasukan dari Republik Singapura, Geylang International FC, serta Garudayaska FC dari Republik Indonesia. "Kejohanan ini merupakan perlawanan pramusim bagi kelab ini sebelum membuka tirai saingan Liga Super Brunei yang

■ Berita dan Foto : Ihsan Indera SC

bermula awal September ini. Kami akan menilai keberkesanan dan corak permainan, di samping memperbaiki kelemahan yang ada," jelas Presiden I Kelab Bola Sepak Indera SC, Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin Pengiran Anak Safiuddin. Beliau turut melahirkan keyakinan dan penghargaan terhadap usaha setiap pemain dalam meningkatkan reputasi serta memantapkan pasukan Indera SC sebagai persiapan menghadapi saingan Liga Super Brunei nanti. Rombongan Indera SC yang diketuai oleh Presiden I Kelab Bola Sepak Indera SC, disertai 18 pemain, termasuk lima pemain

import, serta tujuh pegawai. Rombongan berkenaan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pagi ini. Kejohanan Batam Premier FC tersebut turut menjadi acara kemuncak kepada Batam Prime International Grassroots Festival 2026 yang berlangsung di Citra Mas Stadium, Batam City. Kejohanan berkenaan diharap menjadi wadah bagi mengukuhkan hubungan persahabatan dan kerjasama dalam kalangan kelab bola sepak dari negara-negara jiran, selain memperluas jaringan persahabatan antara kelab bola sepak Negara Brunei Darussalam dengan kelab-kelab serantau.



ROMBONGAN Kelab Sukan Indera (Indera SC) diketuai oleh Presiden I Kelab Bola Sepak Indera SC, dan disertai 18 pemain, termasuk lima pemain import, serta tujuh pegawai.



ACARA RENANG MENYUMBANG PINGAT PERAK, GANGSA BUAT NEGARA



ATLET-atlet renang negara, Joel Ling Thai Yu dan Sharmeen Mohammad Mharvin masing-masing berjaya meraih pingat perak dan pingat gangsa dalam acara renang pada Sukan Akuatik pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026.

rekod baharu.

Manakala pada peringkat akhir, Joel Ling Thai Yu mengekalkan prestasi konsisten dengan meraih pingat perak selepas mencatat masa 27.07 saat. Sementara pingat emas dimenangi wakil dari Selangor dengan catatan masa 26.81 saat.

Dalam acara yang sama, seorang lagi atlet NBD, iaitu Danniel Zhi Zhen Chan turut menunjukkan prestasi memberangsangkan apabila merekodkan catatan masa 29.37 saat, sekali gus mencatatkan Personal Best (PB) walaupun tidak layak ke pusingan seterusnya.

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Ihsan Urus Setia kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia XXII 2026

SELANGOR, MALAYSIA, Khamis, 20 Ogos. - Atlet renang Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan prestasi membanggakan dalam acara renang pada Sukan Akuatik yang berlangsung di Pusat Akuatik Darul Ehsan baru-baru ini pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII

Selangor 2026.

Dalam acara 50 meter Kuak Lentang Wanita, atlet NBD, iaitu Sharmeen Mohammad Mharvin, mencatat masa 30.29 saat pada peringkat saringan, sekali gus mencatat rekod baharu bagi acara berkenaan.

Sharmeen kemudiannya meneruskan saingan ke peringkat akhir dan berjaya meraih pingat gangsa dengan catatan masa 30.39 saat. Manakala pingat emas dimenangi wakil dari Wilayah Persekutuan dengan catatan 29.80 saat.

Sementara itu dalam acara 50 meter Kuak Lentang Lelaki, atlet NBD, iaitu Joel Ling Thai Yu, turut menyerlah apabila mencatat 27.24 saat pada peringkat saringan, sekali gus berjaya mencatat

Pasukan karate bertolak menyertai SUKMA XXII 2026

BERAKAS, Rabu, 19 Ogos. - Rombongan ketujuh dan terakhir yang mewakili Negara Brunei Darussalam, terdiri daripada pasukan karate seramai empat orang atlet dan dua orang jurulatih, telah bertolak ke Selangor, Malaysia bagi

menyertai temasya Sukan Malaysia XXII (SUKMA) 2026.

Hadir untuk mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Noorfaizah binti Haji

Suboh.

Turut hadir, pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan, wakil dari Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF) serta keluarga atlet.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan nasihat serta kata-kata motivasi dari Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan kepada pasukan karate, sebelum diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Atlet-atlet karate negara akan mengambil bahagian dalam

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

acara Kumite Individu Lelaki +84 kilogram (kg), Kumite Individu Lelaki -75kg, Kata Individu Lelaki dan Kata Individu Wanita.

Mereka akan mula bertanding pada 21 Ogos 2026 di Ideal Convention Centre, Shah Alam.



ROMBONGAN ketujuh dan terakhir yang bertolak ke Selangor, Malaysia, mengambil bahagian dalam acara Kumite Individu Lelaki +84 kilogram (kg), Kumite Individu Lelaki -75kg, Kata Individu Lelaki dan Kata Individu Wanita, mewakili Negara Brunei Darussalam di SUKMA XXII 2026.

TAHUKAH



AWDA

JABATAN Tenaga memperkenalkan Program Pemeteran Bersih pada tahun 2021 yang menggalakkan penggunaan sistem foto voltan suria berskala kecil hingga sederhana untuk kediaman dan komersial. Sektor tenaga Brunei, yang dari segi sejarahnya ditambat oleh minyak dan gas hulu dan kini berkembang ke hiliran, kekal sebagai pusat kepada kepelbagaian dan daya tahan ekonomi.

SUMBER : www.tenaga.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBANYAKKAN SELAWAT, MENYEMAI RASA KASIH TERHADAP RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM